



# Vaksin ikhtiar terbaik



- Mufti Melaka minta umat Islam ketepi dakyah anti vaksin
- Hukum pengambilan vaksin COVID-19 adalah harus
- Tokoh agama diminta tidak beri pandangan mengelirukan
- Buang rasa takut dan was-was terhadap vaksin
- Elakkan kluster raya korban 3



WARGA emas daripada masyarakat Orang Asli, Puchat Lubak yang didakwa berusia 120 tahun, menerima suntikan vaksin di PPV Bergerak di Kampung Orang Asli Bukit Payung, Alor Gajah baru-baru ini.

# Sidang khas Dewan Rakyat lima hari mulai 26 Julai

**KUALA LUMPUR** — Persidangan khas Dewan Rakyat akan diadakan selama lima hari mulai 26 Julai.

Pejabat Perdana Menteri dalam kenyataan baru-baru ini memaklumkan sidang Dewan Negara pula diadakan selama tiga hari bermula 3 Ogos.

"Kerajaan telah bersetuju untuk menasihati Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya Mesyuarat Khas Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas diadakan selama lima hari mulai 26 hingga 29 Julai dan 2 Ogos 2021," menurut kenyataan itu.

Sidang khas Parlimen itu bertujuan memberi penerangan kepada Ahli-ahli Parlimen mengenai Pelan Pemulihan Negara dan memindah semua perundungan dan peraturan bagi membolehkan persidangan Parlimen diadakan secara hibrid.

Pejabat Perdana Menteri juga memaklumkan berdasarkan Fasal (3) Perkara 150 Per-

lembagaan Persekutuan semua proklamasi darurat dan ordinan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong akan dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen.

Menurut kenyataan itu, mesyuarat akan diadakan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang akan ditentukan Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan.

Nota Jemaah Menteri telah diedar secara berutus kepada Jemaah Menteri untuk mengambil maklum mengenai perkara itu, kata Pejabat Perdana Menteri.

Pada Jun, Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Mustafa Billah Shah menzahirkan pandangan supaya persidangan Parlimen diadakan secepat mungkin bagi membolehkan Pelan Pemulihan Negara dan pelaksanaan Ordinan Darurat 2021 dibahas Ahli-ahli Dewan Rakyat. - BERNAMA

## Kadar vaksinasi harian melebihi 300,000 dos sehari - TPM

**KUALA LUMPUR** — Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) kini berjaya meningkatkan kadar vaksinasi harian melebihi 300,000 dos sehari, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata menurut Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV), jumlah keseluruhan pemberian vaksin dos pertama dan kedua di seluruh negara setakat ini (9 Julai) adalah 10,413,270 dos.

"Pada 8 Julai, jumlah vaksinasi yang dicatatkan di seluruh negara adalah sebanyak 376,909 dos," katanya dalam kenyataan mengenai perkembangan Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), baru-baru ini.

Ismail Sabri yang juga Menteri Pertahanan berkata kerajaan menyeru individu yang belum mendaftar untuk mendapatkan vaksin supaya tampil dan mendaftar menerusi aplikasi MySejahtera,



**ISMALI** Sabri

pendaftaran melalui laman sesawang vaksincovid.gov.my atau di talian hotline 1-800-88-8828.

Beliau berkata selain itu, pendaftaran secara manual juga diperkenalkan di klinik kesihatan dan hospital kerajaan.

Kerajaan terus komited dalam memastikan program vaksinasi berjalan lancar serta akan berusaha sebaik mungkin bagi mempercepatkan pemberian vaksin kepada seluruh rakyat Malaysia, katanya. - BERNAMA

## Pastikan tiada golongan tercicir Pemimpin akar umbi perlu main peranan - KM

**Faiz Hasan**

**BUKIT PALAH** — Semua pihak terutama pimpinan akar umbi perlu memainkan peranan bagi memastikan tiada golongan tercicir daripada menerima bantuan kerajaan.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali menegaskan semua

pemimpin akar umbi termasuk Jawatankuasa Pengurusan Komuniti Kampung (JPKK), Ahli Jawatankuasa Masjid dan Sidang perlu peka kerana masih terdapat golongan memerlukan tidak mengetahui maklumat dan inisiatif disalurkan.

"Melaka antara negeri terbaik dalam sistem pengurusan masyarakat

kerana kita mempunyai pentadbiran yang sistematis dengan Jawatankuasa Pembangunan dan Penyalaran Dewan Undangan Negeri (JAPERUN), JPKK serta pelbagai lagi.

"Malah, Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) juga memainkan peranan penting sejak tahun lepas bagi memastikan bantuan ini diagihkan ke-

pada masyarakat memerlukan dengan implikasi kewangan lebih RM12 juta dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Melakukan Maju Jaya 2021.

"Kita pelik masih ada masyarakat yang berdepan sehingga enam bulan tiada bekalan makanan, sedangkan jika kita pergi ke masjid atau bilik gerakan di mana-mana masjid dan daerah mesti ada maklumat berkaitan bantuan untuk disalurkan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan inisiatif Musa'adah Muhammadiyah COVID-19 di Pusat Islam MAIM, di sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Pengurus MAIM Datuk Md Rawi Mahmud dan Mufti Melaka Datuk Wira Abdul Halim Tawil.

Sulaiman berkata, jika semua pihak termasuk persatuan penduduk

serta kejiranan main peranan tiada yang tertinggal, melainkan mereka yang tercicir ini hanya duduk di rumah dan tidak bermasyarakat.

Beliau yang juga Pengurus MAIM berkata, kerajaan negeri menyeru pengurusan masjid di Melaka menjalankan program bank makanan bagi memastikan semua penduduk berkeperluan tidak terlepas menerima bantuan.

"Kita muahu semua masjid di Melaka adakan program bank makanan atau biasa disebut gerobok rezeki yang membentarkan penduduk ambil barang perlu dan menginfakkan apa yang mampu."

"Setakat ini 80 daripada 190 masjid kariah di Melaka menjalankan program seumpama ini dan ia perlu diperluaskan," katanya.



**SULAIMAN** ketika menunjukkan beras yang akan diagihkan kepada JAPERUN dan masjid sekitar Melaka sebelum menyampaikan inisiatif Musa'adah Muhammadiyah COVID-19 di Pusat Islam MAIM, baru-baru ini.

### WAKTU SOLAT

Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya solat sesekirang ketika secara berjemaah lebih utama diajoper salafnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian.

12 Julai 2021 - 18 Julai 2021 ( 02 Zulhijah 1442H - 08 Zulhijah 1442H)

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
12 JULAI 2021	5.56 am	7.10 am	1.19 pm	4.44 pm	7.26 pm	8.40 pm
13 JULAI 2021	5.57 am	7.10 am	1.19 pm	4.44 pm	7.26 pm	8.40 pm
14 JULAI 2021	5.57 am	7.10 am	1.20 pm	4.44 pm	7.26 pm	8.40 pm
15 JULAI 2021	5.57 am	7.10 am	1.20 pm	4.44 pm	7.26 pm	8.40 pm
16 JULAI 2021	5.57 am	7.10 am	1.20 pm	4.44 pm	7.26 pm	8.40 pm
17 JULAI 2021	5.57 am	7.10 am	1.20 pm	4.44 pm	7.26 pm	8.40 pm
18 JULAI 2021	5.57 am	7.11 am	1.20 pm	4.44 pm	7.26 pm	8.40 pm

# Jangan was-was dengan vaksin - Mufti

**Mohamad Fazrul Abdul Majid & Liana Shahabudin**

**GERAKAN** dakyah anti vaksin diakui menjadi antara penyumbang tersebutnya maklumat tidak tepat mengenai kebaikan vaksin dalam memerangi pandemik COVID-19.

Tidak dinafikan gerakan itu juga menjadi sebab proses pendaftaran vaksin dalam kalangan rakyat di negara ini bermula dengan amat perlahan sehingga menjelaskan perancangan dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Percanggahan pendapat yang tular di platform media sosial ketika ini membuatkan ada dalam kalangan masyarakat, khususnya umat Islam yang keliru mengenai hukum pengambilan vaksin.

Ikuti wawancara khas Melaka Hari Ini (MHI) bersama Mufti Melaka Datuk Wira Abdul Halim Tawil bagi memberi penjelasan mengenai hukum dan sebab orang ramai digalakkan mengambil vaksin.

## VAKSIN JADI WAJIB JIKA...

Abdul Halim berkata, hukum pengambilan vaksin pada permulaan seperti yang ditetapkan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan adalah harus, yang mana ia digalakkan dan tidak menjadi kesalahan jika tidak



**ABDUL Halim**

diamond.

Namun, tegasnya, hukum itu boleh menjadi wajib bagi orang yang telah disarangkan mengambil vaksin.

Ia jelasnya, termasuklah bagi golongan berisiko, orang yang mendapat jangkitan, mereka yang bekerja serta mereka yang ingin merentas negeri ataupun negara.

Mengambil contoh, seorang yang bekerja sebagai guru di sekolah dan syarat untuknya bekerja dan mengajar anak murid mesti mengambil vaksin.

Maka, guru terbabit telah termasuk dalam kategori mereka yang wajib men-

**“ Apapun, kita akan terus memantau perkara ini supaya ia tidak berlaku di negeri ini ”**

gambil vaksin.

“ Begitu juga dengan imam dan bilal di masjid yang terdedah dengan ramai orang dan jemaah, maka imam dan bilal wajib melindungi dirinya dan orang lain, jadi vaksin juga menjadi wajib bagi mereka.

“ Selain itu, untuk menuaikan ibadah haji dan umrah juga telah diletakkan syarat individu yang telah divaksin sahaja boleh memasuki Arab Saudi, maka ia juga menjadi wajib kepada umat Islam.

“ Pada masa sama, dalam konteks Maqasid Syariah juga telah menyebut supaya umat Islam menjaga nyawa dan kesihatan agar tidak memudarangkan diri kita dan orang lain.

“ Jadi, walaupun pada awal Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan meletakkan hukumnya harus, namun ia boleh menjadi wajib kepada mereka (golongan) yang ditentukan atau disarangkan,” katanya.

## AGAMAWAN DINASIHAT TIDAK BERI PANDANGAN MENGLIRUKAN

Mengulas lanjut, Abdul Halim turut meminta golongan cendiakawan Islam dan tokoh-tokoh agama agar tidak memberikan pandangan mengelirukan mengenai hukum dan pengambilan vaksin.

Menurutnya, ia bagi

mengelakkan wujudnya kebimbangan, ketakutan dan kekeliruan masyarakat yang boleh merencangkan usaha memerangi pandemik COVID-19 dalam negara.

“ Saya menasihati guru-guru agama agar tidak memberikan pandangan kerana apa yang mereka perkatakan sudah pasti mudah diperdayai oleh masyarakat.

“ Alhamdulillah buat masa ini di Melaka kita tidak nampak sebarang gerakan sama ada oleh penceramah, atau tokoh agamawan yang memberikan kenyataan bercahaya bagi mempengaruhi masyarakat untuk tidak mengambil vaksin.

“ Apapun, kita akan terus memantau perkara ini supaya ia tidak berlaku di negeri ini,” ujarnya.

## JAUHI RASA WAS-WAS

Dalam pada itu, Abdul Halim turut meminta semua umat Islam agar membuang segala rasa takut dan was-was mengenai pengambilan vaksin yang ditetapkan kerajaan memandangkan ia telah dipe-rakui pakar-pakar kesihatan untuk membendung penularan COVID-19.

Beliau turut mengingatkan masyarakat agar segera mendaftar vaksin di MySejahtera dan hadir ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang ditetapkan sekiranya sudah menerima janji temu vaksin.

“ Harapan kita agar vak-

**Eksklusif MHI**

sin ini dapat membina kekuatan imuniti diri, sekali gus membantu memutuskan atau menghilangkan penularan COVID-19 di muka bumi ini.

“ Saya juga berharap masyarakat, khususnya umat Islam agar tidak lagi terpengaruh dengan sebarang dakyah anti vaksin serta mematuhi segala prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan.

“ Ingat, kita masih belum menang, tetapi kita juga tidak boleh mengaku kalah,” katanya lagi.

**“ Ingat, kita masih belum menang, tetapi kita juga tidak boleh mengaku kalah ”**

## STATISTIK PERKEMBANGAN MELAKA PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN

\*Data setakat 9 Julai 2021 / 11:59:00 malam

**557,579 Sudah Daftar**

82.3%

**187,104 Dos pertama**

27.6%

**88,288 Dos kedua**

13.0%

### LAPORAN HARIAN PEMBERIAN DOS VAKSIN

DOS PERTAMA

DOS KEDUA

6,290

2,537

### JUMLAH PENDAFTARAN

\* Jumlah populasi

**557,579 Sudah Daftar**

82.3%

### JUMLAH DOS PERTAMA DAN KEDUA

\* Jumlah populasi

**275,392 Jumlah Dos**

DOS 1 27.6% DOS 2 13.0%

MELAKA 557,579 82.3%

187,104 27.6%

88,288 13.0%

### 18 LOKASI Pusat pemberian Vaksin (PPV) > SEMUA DAERAH

- 1 KOMPLEKS SUKAN MASJID TANAH
- 2 DEWAN MPJ ALAMANDA JASIN
- 3 DEWAN TUN ALI
- 4 DEWAN JAPERUN AYER MOLEK
- 5 HOSPITAL JASIN
- 6 DEWAN CREATE
- 7 DEWAN MPJ HJ. AHMAD ITTHIN MERLIMAU
- 8 DEWAN HANG TUAH
- 9 HOSPITAL ALOR GAJAH
- 10 HOSPITAL MELAKA
- 11 DEWAN BUNGATANUUNG
- 12 DEWAN CTRM
- 13 DEWAN JAPERUN SUNGAI UDANG
- 14 DEWAN JAPERUN BERTAM JAYA
- 15 DEWAN MBMB TAMAN BERTAM JAYA
- 16 DEWAN TAMING SARI, UTM LENDU
- 17 DEWAN JAPERUN KLEBANG
- 18 DEWAN MPHTJ BUKIT BERUANG

## Elakkan kluster raya korban

**UMAT** Islam di negeri ini diingatkan agar tidak melanggar SOP sepanjang Hari Raya Aidiladha, bagi mengelakkan berulangnya kewujudan kluster-kluster raya akibat penularan COVID-19.

Datuk Wira Abdul Halim Tawil berkata, walaupun kerajaan negeri membenarkan sambutan Aidiladha pada tahun ini, namun ia bukan menjadi ‘tiket’ buat umat Islam mengingkari arahan yang ditetapkan.

Beliau berkata, pematuhan SOP seperti penjarakan fizikal, tidak bersalaman mahupun tidak melakukan aktiviti ziarah-menziarahi amat penting untuk diamalkan dalam usaha mengawal penularan wabak di negeri ini.

“ Saya menyeru kepada masyarakat Islam agar menyambut Aidiladha secara sederhana.

“ Marilah bersama-sama mematuhi arahan ditetapkan kerajaan dan mengekalkan pematuhan SOP dalam apa juga yang dilakukan.

“ Saya berharap tiada lagi aktiviti ziarah raya, majlis kenduri-kendara atau bebas melakukan apa sahaja ketika menyambut perayaan tahun ini berikut jumlah jangkitan masih lagi tinggi dalam negara,” katanya.

Dalam perkembangan lain, Abdul Halim turut meminta program sembelihan korban yang akan dijalankan pada 20 hingga 23 Julai nanti berlangsung mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

Katanya, bagi penyembelihan bintang korban di masjid dan surau seluruh negeri, ia perlulah mendapatkan kebenaran Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan ia perlu dilakukan di tempat yang lapang.

“ Bilangan petugas juga telah ditetapkan tidak lebih 25 orang dengan had lima ekor binatang korban sehari.

“ Masa yang ditetapkan untuk kerja-kerja ini ialah dari jam 7 pagi hingga 6 petang dan agihan daging korban perlulah dihantar dari rumah ke rumah,” katanya.

# Skuad Asnaf bantu golongan memerlukan

Faiz Hasan

**BUKIT PALAH** - Golongan terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 merupakan antara misi Skuad Asnaf dalam memastikan kebaikan mereka terus dibela.

Skuad yang ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) itu turut berperanan untuk menyelami permasalahan yang dihadapi golongan tersebut.

Setiausaha MAIM Muhammad Ikram Ibrahim berkata, Skuad Asnaf yang terdiri daripada 17 kakitangan agensi itu, sedia membantu golongan memerlukan tidak kira masa dan tempat.

"Skuad ini asalnya dikenali sebagai Skuad Agihan Zakat MAIM yang ditubuhkan pada 2019, meneruskan perjuangan menyampaikan segalan bentuk kebaikan dan bantuan kepada mereka di Melaka."

"Kita telah menggerakkan skuad ini di setiap daerah di negeri ini dan sekurang-kurangnya sebanyak tiga kali rondaan minggu termasuk Sabtu dan Ahad.

"Skuad Asnaf akan bergerak jika terima aduan dari pelbagai saluran terutama dari aplikasi Jejak Asnaf, aduan yang ditularkan di media sosial serta beberapa aduan dari orang awam " katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI).

Sementara itu, Ketua Seksyen Agihan Zakat MAIM Mohd Nasir Wahab berkata, pelbagai cabaran telah ditempuh mereka, dikala ingin memastikan kebaikan asnaf terus dibela.

"Pernah sekali kita membantu seorang gelandangan dan membawanya ke tempat perlindungan, namun sebelum itu kami membawanya menggunakan kenderaan sama untuk melakukan pemeriksaan kesihatan termasuklah ujian saringan COVID-19.

"Keesokan hari kami mendapati gelandangan itu disahkan positif COVID-19 membuatkan kami risau akan

kejadian itu berikutnya menaiki kenderaan yang sama dengannya.

"Bagaimanapun Alhamdulillah dengan kuasa Allah kami tidak dijangkiti dan disahkan negatif selepas menjalankan ujian saringan susulan," katanya.

Mohd Nasir turut memohon orang ramai agar dapat menyalurkan maklumat jika mempunyai informasi mengenai golongan memerlukan akibat pandemik COVID-19.

"Kami menyeru rakyat Melaka peka akan keadaan ini dan buat masa ini MAIM sedaya upaya menjelaki mereka dan akan turun padang sekeranya terdapat aduan dan maklumat berkaitan individu terjejas di Melaka."

"Bagi memastikan usaha ini tercapai kita meminta masyarakat di luar sana untuk memuat turun aplikasi Jejak Asnaf MAIM sebagai saluran tepat untuk menyampaikan maklumat dengan lebih pantas dan efisien," katanya.



**SKUAD ASNAF** menyampaikan sumbangan kepada individu yang terjejas diiringi Ketua Cawangan MAIM Merlimau, Izhar Rahim (kanan), baru-baru ini. Foto Kredit MAIM

## 'Hubungi sahaja, kami datang'

Farah Suhaidah Othman

**BUKIT BARU** - "Umpama kita lihat orang lemas, kita tak perlu tunggu, sebaliknya selamatkan dahulu."

Itu ungkapan yang menjadi prinsip Abu Hurairah Hashim, 41, dalam menyediakan bank makanan atau 'food bank' di Dewan Raja Haji, di sini.

Abu Hurairah berkata, dia ber-

sama rakannya, Mohd Firdaus Mohammad Noor, 33, menyediakan bank makanan di dewan berkenaan sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 dan makanan serta keperluan asas diberikan kepada rakan atau kenalan rapat yang terjejas pendapatan.

Katanya, mereka berdua menggunakan modal simpanan sendiri serta kutipan rakan-rakan selain bantuan pertubuhan bukan kerajaan

(NGO) termasuk Presiden Majlis Gabungan Belia Melaka (MGBM), Ridhwan Mohd Ali untuk menyalurkan bantuan.

"Sejak PKP 3.0 ini ramai terjejas, jadi keperluan itu diperluaskan kepada orang ramai supaya inisiatif ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban keluarga susah."

"Tidak perlu birokrasi, malah tidak perlu kemukakan apa-apa dokumen untuk buktikan mereka

benar-benar susah sebaliknya hanya tulis nama, alamat serta nombor telefon, kami akan hubungi dan bantu salurkan bantuan.

"Bagi mereka yang mahu mendapatkan keperluan makanan di bank makanan mereka boleh ambil apa sahaja, namun bergantung kepada stok yang ada kerana ia terhad," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini (MHI).

Menurutnya, setakat ini pihak-

nya sudah membantu lebih 180 keluarga kurang berkemampuan dan inisiatif itu sekali gus dapat mengelakkan orang ramai daripada mengibarkan 'bendera putih' sebagai penyelesaian mendapatkan bantuan.

"Banyak lagi ikhtiar lain yang boleh dilakukan termasuk menghubungi JAPERUN (Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelaras Dewan Undangan Negeri) atau masjid kariah masing-masing," katanya.



CELINE menunjukkan bekalan makanan asas yang disediakan di kedai perkakasan rumah miliknya di Taman Seri Bayan, Gangsa, baru-baru ini.

## 'Saya mau kasi olang susah'

Mohamad Fazrul Abdul Majid

**DURIAN TUNGGAL** - "Saya buat 'food bank' mau kasi olang susah (mahu beri orang susah) yang tak cukup makan. Nak bagi wang pun saya tak mampu, ini saja yang boleh saya tolong."

Begitu kata peniaga kedai perkakasan rumah, Celine Koh, 64, yang menjalankan inisiatif bank makanan bagi membantu rakyat memerlukan di hadapan kedainya di Taman Seri Bayan, Gangsa, di sini.

Dia berkata, inisiatif itu bermula baru-baru ini dengan modal sendiri dan kemudiannya turut dibantu keluarga dan rakan-rakannya.

Menurutnya, meskipun perniagaan diusahakannya selama 14 tahun terjejas lebih 50 peratus dek penanganan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh, namun itu bukan penghalang untuk dia berkongsi rezeki sedaya mampu.

"Saya tengok ramai buat 'food bank' dan saya pun rasa saya perlu buat sesuatu bantu mereka yang susah walaupun pendapatan saya juga terjejas."

"Sesiapa sahaja tak kira Melayu, Cina atau India yang sudah tidak ada pendapatan boleh datang ambil barang di sini mengikut keperluan," katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI).

Mengulas lanjut, dia yang berasal dari Kru-bong berkata, antara barang keperluan asas yang disediakan termasuklah beras, tepung, minyak masak, susu pekat manis, mi segera dan makanan dalam tin.

Tambahnya, orang ramai boleh datang mengambil barang diperlukan bermula jam 10 pagi hingga 6 petang.

"Selagi masih ada barang, mereka yang terkesan boleh datang dan kalau boleh saya akan teruskan program ini sampailah PKP berakhir," katanya lagi.



# SELAMAT MENYAMBUT HARI ULANG TAHUN KE - 13 PENGISYIHKARAN MELAKA BANDARAYA WARISAN DUNIA (UNESCO) 2021

**13th Anniversary of Melaka World Heritage City Day  
(UNESCO) 2021**

**7 JULAI 2021 / Warisan Sepanjang Zaman**



*Setulus Ikhlas Daripada*

**YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI  
KETUA MENTERI MELAKA**

DAN

AHLI-AHLI EXCO, AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI

&

SELURUH ANGGOTA PENTADBIRAN KERAJAAN  
NEGERI MELAKA



# Melaka anjur pidato Rukun Negara peringkat kebangsaan



**MOHD ALI**

warkan hadiah antara RM300 hingga RM5,000.

Maklumat lanjut berkaitan pertandingan berkenaan boleh hubungi urus setia pada talian 06-3174475/011-11117547 (Institut Tun Perak).  
- BERNAMA

**MELAKA** - Kerajaan Melaka menganjurkan Pertandingan Pidato Rukun Negara Sebagai Prinsip Perpaduan Demi Kejayaan dan Kestabilan Rakyat Peringkat Kebangsaan, Piala Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Melaka, bermula 5 Julai.

Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam berkata, menerusi pertandingan pidato berkenaan, beliau berharap rakyat dapat meningkatkan kefahaman terhadap lima prinsip

terkandung dalam Rukun Negara yang amat penting bagi mencapai perpaduan lebih erat dalam kalangan masyarakat.

"Justeru, hujah pidato mesti diperincikan menerusi frasa kedua iaitu Kesetiaan Kepada Raja dan Negara dan frasa ketiga iaitu Keluhuran Perlembagaan berdasarkan situasi dalam negara yang lebih relevan untuk diperincikan."

"Saya berharap pertandingan pidato ini dapat melahirkan generasi yang mempunyai

semangat patriotisme serta memahami peranan Rukun Negara terutamanya tentang Kesetiaan Kepada Raja dan Negara serta Keluhuran Perlembagaan dalam pembentukan negara aman makmur dan maju tanpa mengira bangsa dan agama serta menyuarangkan institusi Raja-Raja Melayu yang menjadi tonggak negara Raja Berperlembagaan," katanya kepada Bernama.

Beliau berkata pada tahun lepas, pertandingan pidato berkenaan telah dilaksana-

nakan bagi peringkat negeri yang diurussetiakan oleh Institut Tun Perak manakala tahun ini pula, pertandingan itu dilaksanakan di peringkat kebangsaan.

Tempoh pendaftaran penyertaan dibuka selama 27 hari bermula 5 hingga 31 Julai.

Pada masa sama, penyertaan boleh dibuat dengan peserta perlu menghantar rakaman video pidato masing-masing ke e-mel instituttunperak@gmail.com pada tempoh yang telah ditetapkan.

Saringan pertama akan dilakukan pada 9 hingga 12 Ogos manakala peringkat separuh akhir bermula pada 16 hingga 17 Ogos, sebelum peringkat akhir pertandingan dilangsungkan pada 21 Ogos depan di Dewan Besar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Lima kategori dibuka untuk penyertaan membabitkan Kategori Awam, Institusi Pengajian Tinggi, Sekolah Menengah, Sekolah Rendah dan Bukan Melayu, yang mena-

## Masyarakat Orang Asli semakin terbuka terima vaksin

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

**ALOR GAJAH** - Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia kini dilihat semakin terbuka menerima vaksin COVID-19 menerusi program vaksinasi bergerak dijalankan di setiap pelosok kampung mereka.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar II, Datuk Henry Sum Agong berkata, buktinya berlaku peningkatan mendadak masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia yang bersatu menerima vaksin.

Jelasnya, mengikut data Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), daripada 144,180 orang yang layak divaksin, 36,383 daripadanya

telah memberikan persetujuan.

Menurutnya, daripada jumlah itu, 9,163 telah menerima suntikan dos pertama dan 1,882 telah menerima lengkap dua dos vaksin.

"Prestasi itu pada saya agak baik dan di peringkat Kementerian, kita akan terus berusaha memastikan lebih ramai lagi akan bersatu dan menerima suntikan vaksin COVID-19 selepas ini.

"Kita juga akan memastikan semua tempat terpencil yang belum didatangi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan mendapat perhatian.

"Pada masa sama, kita akan mengadakan lawatan 'outreach' ke rumah-rumah

dan kampung-kampung untuk memastikan seluruh masyarakat luar bandar khususnya daripada komuniti Orang Asli menerima vaksin," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan dan menyantuni penerima vaksin COVID-19 di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Bergerak MARA Liner di Kampung Orang Asli Bukit Payung, di sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi merangkap Ahli Parlimen Masjid Tanah, Datuk Wira Mas Ermiyati Samsudin.

Mengulas pemberian vaksin di kampung berkenaan, Henry mengakui gem-

bira dengan sambutan di-terima daripada penduduk apabila 314 telah menerima vaksin jenis Sinovac.

Sambutan menggalakkan itu, ujarnya, sedikit sebanyak disumbangkan oleh pemimpin setempat termasuk ahli parliment yang sentiasa memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat yang benar mengenai kebaikan vaksin.

"Kita berharap usaha murni ini akan berterusan dan mendapat kejayaan kerana sangat penting untuk segenap lapisan masyarakat menerima vaksin sebagai jaminan untuk kita mendapatkan imunisasi berkelompok, sekali gus memerangi COVID-19," katanya lagi.

## KM seru usaha bersama kekang COVID-19

**Faiz Hasan**

**BANDARAYA MELAKA**

- Pelbagai langkah diambil kerajaan negeri bagi memperbaiki sistem kesihatan negeri susulan kes COVID-19 semakin membimbangkan.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, penempatan hospital daerah bagi pesakit COVID-19 dan pembukaan Hospital Medan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bertujuan melancarkan sistem kesihatan negeri.

"Kita sedia maklum bahawa keadaan Hospital Melaka yang semakin kritis membuatkan pelbagai langkah diambil bagi memastikan sistem kesihatan negeri tidak jatuh dan terganggu.

"Dalam keadaan sukar ini mana-mana negeri mengalami keadaan sama jadi kita minta masyarakat di luar sana agar peka dengan situasi berlaku dan perlu mengambil serius dalam langkah mengekang penularan COVID-19.

"Langkah yang diambil ini adalah bagi mengekang keluh kesah rakyat dalam keadaan sukar dan ia bagi memastikan untuk mengurangkan kesesakan yang berlaku di Hospital Melaka," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Melaka Hari Ini (MHI) selepas menyantuni beberapa kediaman penduduk di Kampung Chetti dan Kampung Jawa, di sini baru-baru ini.

Menurut Sulaiman, beliau muahu rakyat lebih serius melawan COVID-19 dengan mematuhi setiap peraturan dan garis panduan yang ditetapkan.

"Kita sedar dalam keadaan sukar ini kita tidak muahu semua pihak terganggu berikutan banyak jangkitan baharu direkodkan, rakyat perlu peka untuk memutuskannya dengan lindungi diri daripada penularan ini," katanya.

**“Dalam keadaan sukar ini kita tidak muahu semua pihak terganggu berikutan banyak jangkitan baharu direkodkan”**



ANTARA sebahagian komuniti Orang Asli ketika menunggu giliran vaksinasi di Balai Raya Kampung Orang Asli Bukit Payung, Alor Gajah, baru-baru ini. Foto MR Azli



**SULAIMAN**

# Hospital Melaka semakin kritikal

Faiz Hasan

**BATU BERENDAM** - Hospital Melaka kini mencapai paras kritikal berikutan penggunaan katil mencapai tahap 91 peratus untuk merawat pesakit COVID-19.

Susulan itu, dua hospital daerah iaitu di Alor Gajah dan Jasin terpaksa dijadikan pusat rawatan pesakit COVID-19 bermula minggu lepas.

Exco Kesihatan, Datuk Rahmad Mariman menjelaskan, setakat ini sebanyak 400 katil daripada keseluruhan 444 katil di Hospital Melaka



RAHMAD

telah penuh manakala sejumlah 13 pesakit terpaksa dirawat di Hospital Alor Gajah

dan Jasin.

Beliau berkata, berdasarkan data diterima sebanyak tujuh pesakit COVID-19 terpaksa dirawat di Hospital Jasin dan enam lagi dirawat di Hospital Alor Gajah sejak awal minggu lalu selepas HM mencapai tahap kritikal.

"Sehingga 7 Julai lepas, kapasiti katil di Hospital Melaka sudah kritikal iaitu mencecah 91 peratus, menyebabkan dua buah hospital daerah berkenaan terpaksa merawat pesakit COVID-19 bermula awal minggu lalu.

"Hospital Melaka kini sesak

sehingga terpaksa menggunakan segenap ruang yang ada seperti bilik mesyuarat, stor, tempat parkir ambulans dan sebagainya bagi menempatkan pesakit COVID-19," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas meninjau hari pertama pelaksanaan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) pandu lalu di Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka, Batu Berendam di sini pada 9 Julai lepas.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Anti Dadah negeri itu berkata, situasi yang berlaku itu turut mengakibat-

kan beberapa unit zon iaitu kuning, merah dan hijau di Jabatan Kecemasan HM terpaksa menempatkan pesakit COVID-19.

"Sehingga kini, katil bagi merawat pesakit COVID-19 di jabatan itu turut ditingkatkan kepada 60 katil berbanding 10 katil saja digunakan sebelum ini.

"Kita merancang untuk menjadikan Laluan dan Zon Hijau ditutup dan pesakit tidak kritikal boleh mendapat rawatan di Klinik Kesihatan Peringgit yang akan dibuka untuk 24 jam.

"Klinik kesihatan itu di-

anggarkan mampu menampung seramai 150 pesakit zon hijau dari Hospital Melaka," katanya.

Mengulas lanjut ujarnya, kerajaan negeri turut bercadang menambah katil penjagaan kritikal dan peralatan kesihatan demi menampung keperluan unit rawatan rapi (ICU) di HM.

"Purata penggunaan katil di Melaka kini mencapai 155 peratus sekali gus memperlihatkan perjalanan Melaka masih jauh untuk mencapai kriteria Fasa Kedua dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN)," katanya.

## Melaka cadang ubah format bantuan JKM

Mohamad Fazrul Abdul Majid

**SERI NEGERI** - Melaka bercadang mengubah format penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang turut mendapat bantuan barang keperluan selain wang tunai setiap bulan.

Exco Kebajikan Datuk Wira Latipah Omar berkata, cadangan yang dalam peringkat kajian itu menjadikan penerima mendapat dua bentuk bantuan iaitu makanan dan wang yang akan disalurkan ke dalam akaun penerima.

Mengambil contoh penerima bantuan bulanan bernilai RM500, beliau menjelaskan bantuan itu akan dibahagikan mengikut format RM250 berbentuk makanan asas dan baki RM250 untuk mereka membeli keperluan lain.

"Jadi, saya secara peribadi memang bersetuju dan menganggap cara ini lebih mudah dan memberikan lebih impak kepada putaran ekonomi. Namun, sehingga kini ia masih dalam peringkat kajian secara teliti," katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI) di pejabatnya, baru-



"Sebelum ini semua bantuan dimasukkan ke dalam akaun penerima dan kadang-kadang timbul masalah seperti anak pegang kad ibu bapa dan menggunakan wang berkenaan untuk perbelanjaan lain.

"Memang syaratnya ialah bantuan untuk tempoh dua tahun. Selepas dua tahun, JKM akan mengkaji semula dan sekiranya didapati keluarga itu sudah mempunyai sumber pendapatan lain, ia akan dihentikan dan diberikan kepada orang lain yang lebih layak.

baru ini.

Mengulas lanjut mengenai bantuan bulanan JKM, Latipah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita dan Pembangunan Keluarga negeri berkata bahawa bantuan JKM sebenarnya bukanlah diberikan seumur hidup.

Katanya, ia berikutan wujud sa-sahah dalam kalangan segerintir pihak yang mula mempersoalkan mengapa bantuan bulanan mereka dihentikan selepas beberapa tempoh masa, sedangkan peraturan sudah menjelaskan ia diberikan untuk tempoh dua tahun sahaja.

"Perlu ingat, bantuan ini untuk meringankan beban dan ia bukanlah untuk menanggung keseluruhan kos hidup keluarga mereka seumur hidup," katanya lagi.

"Perlu ingat, bantuan ini untuk meringankan beban dan ia bukanlah untuk menanggung keseluruhan kos hidup keluarga mereka seumur hidup," katanya lagi.

## 500 jemaah solat Aidiladha di tujuh masjid - Mufti

**BUKIT PALAH** – Kerajaan Melaka membenarkan solat sunat Aidiladha dengan bilangan jemaah dinaikkan kepada 500 orang.

Mufti Melaka, Datuk Wira Abdul Halim Tawil berkata, bagaimanapun ketetapan itu terpakai untuk tujuh masjid di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM).

Ia adalah Masjid Al Azim, tiga masjid daerah dan tiga masjid institusi iaitu Masjid Cina, Masjid Selat dan Masjid MITC.

Katanya, ketujuh-tujuh masjid terbabit sebelum ini dibenarkan mengadakan solat Jumaat dengan had 250 jemaah.

"Jawatankuasa COVID-19 negeri, Jawatankuasa Majlis Jabatan Mufti serta JAIM bersetuju meningkatkan bilangan jemaah dari 250 kepada 500 orang untuk semua masjid terbabit bagi solat sunat Aidiladha kali ini."

"Bagi surau dan masjid kariah

bertauliah pula kekal dengan 100 jemaah.

"Selain itu, mana-mana surau juga dibenarkan mengadakan ibadat sama dengan maksimum 50 jemaah sahaja, namun perlu mengemukakan surat permohonan terlebih dahulu," katanya.

Tambahnya umat Islam juga dibenarkan melaksanakan ibadat itu di rumah masing-masing tetapi hanya dalam kalangan individu di dalam rumah sahaja.

Beliau berkata demikian kepada Melaka Hari Ini selepas menghadiri penyampaian inisiatif Musa'adah Muhaffaz Al-Alamy COVID-19, di Pusat Majlis Agama Islam Melaka (MAIM).

Dalam pada itu, Abdul Halim berkata, kerajaan negeri membenarkan takbir raya bermula pada malam Hari Raya Aidiladha iaitu pada selepas Solat Maghrib malam 10 Zulhijjah sehingga jam 10 malam mengikut bilangan jemaah ditetapkan.

## PKP bersasar di Ayer Keroh, lapan kilang ditutup

Farah Suhaidah Othman

**AYER KEROH** – Kerajaan Melaka melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bersasar dengan menutup lapan kilang di Ayer Keroh termasuk asrama pekerja yang mencetuskan kluster COVID-19.

Pengerusi Jawatankuasa Pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) Melaka, Ramli Mohd Ali berkata, pelaksanaan PKP selama 14 hari bermula malam 7 Julai lepas itu diambil berikutan berlaku peningkatan kes di kawasan berkenaan.

Kes membatitkan penularan dalam kalangan pekerja seramai 354 orang, termasuk 237 daripadanya warga asing.

Keputusan itu sekali gus melegakan kira-kira 15,000 penduduk membatitkan empat taman perumahan di sekitar Ayer Keroh apabila cadangan untuk melaksana-

kan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di kawasan mereka ditarik semula.

Menurut Ramli, keputusan dibuat setelah mengambil kira pandangan beberapa agensi termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Kerajaan negeri mengambil keputusan untuk membuat PKP secara bersasar membabitkan kilang ini yang mempunyai kes positif COVID-19 dalam kalangan pekerja.

"Kilang dan asrama pekerja ditutup sepenuhnya selama 14 hari, namun jika terdapat lagi kes di dalam kilang, penutupan akan disambung lagi dua minggu," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan mengejut di kilang di Kawasan Perindustrian Ayer Keroh, di sini baru-baru ini.

Sebelum ini, media melaporkan penduduk di sekitar Ayer Keroh merayu supaya Majlis Keselamatan Negara (MKN) mempertimbangkan semula cadangan melaksanakan PKPD di kawasan itu.

Ramli berkata, pelaksanaan menutup operasi kilang dilaksanakan bermula 7 Julai dengan enam daripada ditutup manakala dua lagi ditutup lebih awal.

Jelasnya, semua kos ujian calitan dan kos kuarantin di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) swasta ditanggung sepenuhnya oleh majikan.

"Semua ujian calitan pekerja sama ada tempatan dan warga asing perlu ditanggung oleh majikan dalam tempoh 14 hari.

"Majikan juga perlu melaksanakan ujian calitan kali kedua kepada pekerja asing dalam tempoh dua minggu itu," katanya.



RAMLY memeriksa kilang yang diarahkan tutup susulan peningkatan kes di Kawasan Perindustrian Ayer Keroh, baru-baru ini.

# Melaka perkenal pandu lalu makanan percuma

Liana Sahabudin

**SERI NEGERI** - Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) Melaka bakal menyalurkan bantuan makanan secara pandu lalu menerusi program 'laluan kulinari pelancongan' tidak lama lagi.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan negeri, Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata, inisiatif itu akan dilaksanakan di kesemua enam parlimen, setiap satu dibekalkan dengan 300 pek makanan.

Katanya, inisiatif itu diharap membantu rakyat Melaka yang terkesan untuk mendapatkan bekalan makanan setiap hari sepanjang

pandemik COVID-19.

"Kita sedang rencanakan lajuan 'kuliner pelancongan' yang mana kita akan bekalkan makanan yang siap dimasak kepada rakyat di negeri ini."

"Ia akan dilaksanakan di enam parlimen yang mana terdapat lorong atau laluan tertentu khususnya dalam kawasan pelancongan utama di Melaka," katanya.

"Kita akan masak makanan kemudian letakkan makanan itu untuk mereka (rakyat) ambil secara pandu lalu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Melaka Hari Ini (MHI) selepas pelancaran Kempen Promosi Melaka E-Bazar 'Buy Now, Travel

Later' di Seri Negeri baru-baru ini.

Katanya, selain memfokuskan sektor pelancongan usaha itu juga sebagai kebajikan membantu rakyat yang benar-benar memerlukan.

"Insya-Allah dalam masa sebulan kita akan lancarkan program ini dan saya yakin ia akan mendapat sambutan rakyat Melaka," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata BPP juga dalam usaha menghidupkan kembali sektor pelancongan melalui kaedah pelancongan maya.

"Rakyat Malaysia khususnya di Melaka boleh membayar pada kadar yang rendah iaitu RM5 dan boleh menerokai produk pelancongan di negeri ini," katanya lagi.

JAILANI



MELAKA HARI INI

NO.TEL : 06 - 251 9314,  
06 - 251 9315  
FAX : 06 - 251 9316

PENGARANG KANAN  
MUHD RIZANIZAM  
ABDUL HAMID  
mrizanizam@gmail.com

PENGARANG  
MOHD HAMZATUL  
AKMAR MD ZAKARIA  
yondaine87@  
melakaharlini.my

PENGARANG DIGITAL  
MEOR RIDUWAN  
meor76@riduwani@gmail.com

JURUFOTO KANAN  
AZREN JAMILUDIN  
mazren86@gmail.com

PEGAWAI  
TEKNOLOGI MAKLUMAT  
AHMAD ZUHAIR  
UMARAH SAMSER  
zuhair@melakaharlini.my

WARTAWAN

LIANA SAHABUDIN  
iliyan90@melakaharlini.my

MOHD FAZRUL  
ABDUL MAJID  
faizru@melakaharlini.my

MOHD FAIZ ABU HASAN  
faizhasan@melakaharlini.my

FARAH SUHAIDAH  
OTHMAN  
farahothman@melakaharlini.my

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED  
ambran@melakaharlini.my

MIMIE AZURA  
ABU BAKAR  
mimieazura1981@  
melakaharlini.my

ZUL RAHIMI RAMLI  
mk7.zul@melakaharlini.my

PEMASARAN

PENGURUS  
MUHAMMAD HAMZI  
ROSMANI  
amz@melakaharlini.my  
018 - 329 9936

EKSEKUTIF PEMASARAN & PENGILKANAN  
NAQIB TAJUDIN  
naqib@melakaharlini.my

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF  
IZAIDA RAIHANAH IDRIS  
izraihana363@gmail.com

SHARIFAH NORKHALIDAH  
SYED KHAIDZIR  
khalidah@melakaharlini.my

MELAKA TV

KETUA  
ASHALIA YUSOF  
ashaliayusof@melakaharlini.my

WARTAWAN PENYIARAN  
MOHAMAD FARIS HAikal  
farishalkal.zakaria@  
melakaharlini.my

PENYUNTING VIDEO  
RABIAH OSMAN  
osmanrabiah@melakaharlini.my

JURUKAMERA  
ISMAYL IBRAHIM  
dakmail@melakaharlini.my

AUFA IZZATI  
AHMAD ZAILANI  
aufalzzati98@melakaharlini.my

AMIRUL RAMLI  
amirul@melakaharlini.my

## Tok Mat mula agih 4,500 bakul makanan



ANTARA penduduk yang menerima bantuan bakul makanan dari pihak Parlimen Jasin. Foto Kredit FB Ahmad Hamzah

## Agihan bantuan 'food bank' dibenarkan

Faiz Hasan

**AYER KEROH** – Agihan bantuan secara bank makanan adalah dibenarkan dengan syarat ia dijalankan tanpa membabitkan orang ramai berkumpul di sesuatu lokasi penganjuran.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Afzanizar Ahmad menjelaskan, aktiviti pengagihan itu juga wajib mengikuti prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Menurutnya, sehubungan itu penganjur boleh berhubung dengan bilik gerakan Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau MKN untuk sebarang pertanyaan

dan penjelasan berhubung aktiviti bantuan makanan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 bagi mengelakkan kekeliruan.

Katanya, penjelasan itu susulan laporan diterima pihaknya bahawa terdapat aktiviti pengagihan barang makanan menyebabkan orang ramai berkumpul di sebuah medan selera di Malim.

"Menerusi pemantauan Pematuhan SOP 3.0 pihak polis pada 1 Julai lalu, didapati orang ramai beratur di kaki lima di sebuah medan selera di Plaza Pandan, Malim berikutnya terdapat aktiviti pengagihan barang makanan.

"Pihak polis telah memberi nasihat agar penganjur menghentikan ak-

tiviti pembungkusan dan pengagihan itu kerana ia menyebabkan orang ramai berkumpul serta menjurus kepada program penyampaian secara bersemuka dan bukannya berkongseian bank makanan.

"Penganjur memahami setelah diberi nasihat supaya mendapatkan kebenaran daripada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri atau Daerah ataupun Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) terlebih dahulu," katanya dalam kenyataan baru-baru ini.

Beliau mengulas hantaran di Facebook rasmi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kesidang, Allex Seah Shoo Chin yang mempersoalkan ba-

empat tin, garam dan kicap," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini (MHI).

Bantuan kit makanan tersebut telah pun diaghikhan ke kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Serkam, Merlimau, Rim, Sungai Rambai, Bemban meliputi masyarakat berbilang kaum.

Katanya, pihaknya amat berbesar hati dan berterima kasih dengan peruntukan disalurkan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk Program Bantuan Bakul Makanan tersebut.

"Di Parlimen Jasin, kami memperuntukkan 1,500 kit makanan untuk seluruh kampung melalui Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK).

"Selebihnya akan diaghikhan kepada masjid, masyarakat Cina dan India, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), nelayan, ibu tunggal, persatuan bekas tentera dan bekas polis.

"Kit makanan ini meliputi barang seperti beras lima kilogram, minyak masak dua kilogram, tepung, gula, susu, sardin

dan kebenaran diperlukan untuk menyalurkan bantuan makanan kepada rakyat terkesan pandemik COVID-19.

Afzanizar berkata, penganjur terbabit juga memaklumkan akan meneruskan aktiviti bantuan makanan pada hari berikutnya selepas Allex Seah hadir dalam perbincangan itu.

"Di akhir perbincangan pihak polis sekali lagi memberi nasihat penganjur supaya dapatkan kebenaran kepada pihak terlibat terdahulu jika ingin menyampaikan sumbangan bukan secara food bank.

"Tiada sebarang tangkapan atau kompaun dikeluarkan pihak polis," katanya.



PENDUDUK Kampung Sungai Putat sekali lagi ditimpa banjir kilat pada 5 Julai lepas.

## Penduduk Sungai Putat diuji banjir kilat kali kedua

Liana Sahabudin

**SUNGAI PUTAT** – Penduduk Kampung Sungai Putat sekali lagi diuji musibah banjir kilat berpunca daripada hujan lebat seawal jam 6 pagi pada 5 Julai lepas.

Tinjauan Melaka Hari Ini mendapati, 10 keluarga terjejas akibat air bah yang melimpah dari sungai berhampiran dan naik mendadak sehingga paras pinggang menyebabkan 19 penduduk terpaksa dipindahkan ke tempat selamat oleh anggota bomba.

Penduduk Muhammad Yusof Hitam, 68, berkata, belum pun segala kerrosakan dialami akibat banjir kilat pada Mei lalu diatasi, kini penduduk berdepan banjir kali kedua dan terpaksa menanggung kerugian lebih banyak.

"Saya terjaga masa hujan jam 6 pagi (5 Julai) kemudian sekitar jam 8 pagi, hujan makin lebat tanpa henti hingga air naik ke paras pinggang.

"Air melimpah dari sungai berdekatan, nasib baik isteri saya yang tidak sihat saya sudah minta anak pindahkan awal manakala saya dan cucu lelaki mengemas apa yang patut.

"Saya hanya dapat selamatkan beberapa perkakas termasuk peti ais, tong gas dan mesin basuh. Air naik terlalu cepat jadi saya selamatkan apa yang perlu saja," katanya yang pasrah dengan kejadian itu.

Seorang lagi penduduk, Mansor Yusof, 59, turut meluahkan kesedihan apabila terpaksa berhadapan situasi yang sama buat kali kedua.

"Bila sampai saja di rumah saya lihat air dah penuh dan tidak masuk ke dalam rumah sebab sakit kaki."

"Namun, saya sempat alih kereta dan tiga motosikal manakala barang-barang lain sebahagian saja dapat diselamatkan oleh anak-anak."

"Jika dikirakan memang saya mahu selamatkan semua barang di dalam

rumah bagi mengelak kerugian, namun lebih utama selamatkan diri dulu," katanya yang menghidap angin ahmar.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Ayer Keroh, Penolong Kanan Pengguna Bomba Mohamad Hamdan Sudin berkata, setibanya di lokasi pihaknya menyelamatkan 19 penduduk yang terkandas di dalam rumah.

"Anggota bomba tiba jam 12 tengah hari di sini, kami memindahkan sembilan kanak-kanak dan 10 perempuan dewasa yang terkandas di dalam rumah mereka.

"Air naik mendadak dalam 30 minit saja, jadi mereka (penduduk) tidak sempat keluar rumah dan pihak bomba terpaksa membantu," katanya ketika ditemui di lokasi.

Katanya, seramai 25 anggota bomba terbabit operasi menyelamatkan mangsa dengan menggunakan kekuatan dua jentera lori pengangkut, sebuah kenderaan pacuan empat roda serta dua bot fiber.

## Pos Malaysia mohon maaf

**AYER KEROH** – Pos Malaysia Berhad (Pos Malaysia) menegaskan penamatkan program khidmat luaran Pos Rider baru-baru tidak menjelaskan perkhidmatan penghantarnya.

Jurucakap Pos Malaysia menegaskan ini kerana pihaknya mempunyai bilangan petugas penghantaran tetap yang mencukupi di seluruh negara.

"Sebagai tambahan kepada petugas Pos Laju sepuh masa, kakitangan posmen yang sebelum ini bertugas sebagai pengantar surat turut membantu menjalankan penghantaran kurier kepada pelanggan," katanya dalam satu kenyataan pada 8 Julai lepas.

Walau bagaimanapun, Pos Malaysia memohon maaf kepada pelanggan di Melaka atas sedikit kelewatan yang tidak dapat

dielakkan akibatkekangan sementara operasi sepanjang tempoh pandemik ini.

Kenyataan itu menyebut, Pos Malaysia pada 3 Julai lalu mengumumkan perubahan sementara waktu perniagaan pejabat pos dan Pusat Pos Laju seluruh negara sepanjang perintah kawalan pergerakan (PKP), jelas kenyataan itu.

"Perkhidmatan penghantaran berjalan seperti biasa, namun dijangka ada kelewat sepanjang tempoh ini dan sehingga diumumkan kelak disebabkankekangan dihadapi serta penyesuaian masa operasi dan kapasiti kami."

"Tambahan lagi, kami perlu mematuhi SOP (prosedur operasi standard) ditetapkan Majlis Keselamatan Negara termasuk memastikan hanya 60 peratus kakitangan hadir bekerja pada satu-satu masa di semua

premis, termasuk pusat pemprosesan bungkusan.

"Justeru, kami sarankan pelanggan menggunakan alamat kediaman sebagai alamat penghantaran bagi pembelian atas talian untuk memastikan penghantaran lancar sepanjang PKP," jelas kenyataan itu.

Menurut jurucakap itu, Pos Malaysia menguruskan purata 300,000 hingga 320,000 bungkusan sehari dan bilangan itu meningkat pada waktu-waktu tertentu seperti jualan khas 7.7, musim perayaan dan seumpamanya.

"Kami menghargai kesabaran dan sokongan pelanggan sepanjang tempoh ini, jika ada sebarang pertanyaan boleh hubungi menerusi AskPos di [www.pos.com.my](http://www.pos.com.my) atau seperti yang tersedia di skrin utama aplikasi mudah alih Pos Malaysia," katanya.



DAK MAT

### Pos 'tak' laju di Melaka?

MAT teringat kata-kata bekas Menteri Kerja Raya dan Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu (kiri Tun). "Hari ini pos, semalam sudah sampai!"

Ia kata-katajenaka tetapi melambangkan betapa seriusnya kerajaan mahu syarikat pos efisien dalam operasinya. Namun apa sudah jadi dengan sebuah syarikat pos tersohor di Malaysia?

Mat terima banyak runutan dari pengguna tentang syarikat ini di Melaka. Rungutan yang diterima bukan baru, ia berlarutan sejak sekitar lama.

Terbaru, Mat terima rungutan berkaitan syarikat ini lagi. Perkhidmatan yang diberi tidak seperti apa yang ditawarkan. Barang yang dijanjikan sampai ke tangan penerima dalam masa dua hingga tiga hari, tidak berlaku!

Dalam sistem 'tracking' syarikat pula, barang tidak dapat diserahkan. Tiada alasan larut mengapa tidak dapat diserahkan. Penerima mempertikaikan kerana mereka ada sahaja di rumah ketika musim PKP ini.

Panggilan pelanggan ke pusat perkhidmatan tidak berjawab. Emel pertanyaan yang dihantar ke syarikat juga tidak berbalas. Cubaan untuk mendapatkan ulasan dari pegawai bertanggungjawab juga gagal.

Mungkin mereka perlu menjaga etika syarikat. Akan tetapi mereka juga harus memikirkan perasaan pelanggan yang dibiarakan tanpa sebarang maklum balas.

Pengurusan krisis syarikat perlu lebih sistematik. Syarikat perlu berubah demi persaingan industri ini yang semakin hebat.

Harap mulai sekarang, "hari ini pos, esok sudah sampai".

**Dak Mat :** Rindu terima kad raya melalui pos.



### Minggu lalu Melaka dikejutkan lagi dengan cerita banjir kilat

MAT simpati dengan penduduk dari kawasan yang terlibat. Tidak keterlaluan jika dikatakan mereka 'fobia' setiap kali hujan lebat selepas ini. Tambahan pula jika hujan di tengah malam.

Ada dari kalangan yang terlibat, baru sahaja kerugian dari bencana yang lepas. Belum sempat menarik nafas panjang, banjir datang lagi.

Mat percaya, pihak berwajib sedang melakukan apa yang terdaya mengelakkan bencana ini berulang lagi. Cuma janganlah mengambil masa terlalu lama untuk menyelesaikan masalah ini.

Mangsa tidak sanggup lagi menanggung kerugian yang berulang kali. Maklum saja di musim PKP ini, penduduk yang terlibat tentunya dalam keadaan susah.

Kita tidak berharap masalah banjir kilat diselesaikan 100 peratus dalam masa terdekat. Paling tidak pun, kurangkanlah masalah penduduk yang terlibat. Agensi yang bertanggungjawab perlu kreatif dan inovatif. Kurangkan birokrasi.

Mat percaya ini selari dengan Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya (PSMJ) 2035 yang telah dibentangkan oleh Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali. Fokus mengatasi masalah banjir ada disebutkan dalam pelan tersebut.

Sementara kita memandang jauh ke hadapan, jangan dilupa masalah semasa. Lakukanlah yang terbaik demi membela nasib rakyat.

Terima kasih juga kepada semua yang membantu memudahkan pengurusan banjir minggu lalu. Anda adalah wira!

**Dak Mat :** Suka roti canai warung 'viral' di Sungai Putat.



### Alahai abang 'rider'

**MEMESAN** makanan melalui aplikasi adalah pilihan ramai ketika ini. Dapatlah abang 'rider' meraih pendapatan di musim yang sukar ketika ini. Rezeki mereka, Alhamdulillah!

Mat pun tidak ketinggalan menggunakan perkhidmatan ini. Perkhidmatan yang ditawarkan memang baik. Terlintas di fikiran makanan apa yang mahu dinikmati, tekan saja aplikasi untuk tempahan.

Namun Mat nak pesan sikit kepada mereka!

Ber-hati-hatilah di jalanan ketika mencari rezeki. Patuhilah undang-undang lalu lintas. Kerjaya ini amat menitik beratkan aspek keselamatan.

I ni untuk kebaikan semua. Mat perhatikan, ada di kalangan mereka sering melanggar lampu isyarat merah. Ada juga yang menunggang motor menyongsong arus di jalan-jalan tertentu.

Simpang khusus untuk jalan masuk, digunakan sebagai jalan keluar. Mereka 'short cut' untuk mencepatkan penghantaran. I ni sangat bahaya. Bahaya bukan sahaja kepada mereka.

la membahayakan keselamatan pengguna jalan raya lain juga.

Abang 'rider' mendapat tempat di hati Mat. Tugas ini amat mulia. Mereka memudah dan menyempurnakan selera kita. Maka itu Mat prihatin kepada mereka.

Di sisi lain pula, banyak cerita yang baik-baik tentang mereka. Mereka jujur, punya semangat setiaawan, prihatin, sopan dan macam-macam lagi.

Oleh itu, jangan kerana 'seekor kerbau membawa lumpur, habis semua ny terpalit'.

Bekerjasamalah demi menjaga nama baik abang 'rider' semua.

**Dak Mat :** Mat selalu 'order' popia basah musim PKP.

# Tebatan banjir atasi masalah banjir di Duyong

#DUYONGkita



Norizan Abdul Muhid

**DUYONG** - Masalah banjir kilat yang menghantui kira-kira 20,000 penduduk Duyong sejak tiga tahun lalu dijangka dapat diatasi sebaik sahaja pelaksanaan projek Tebatan Banjir Sungai Duyong bernilai RM1.5 juta digerakkan di kawasan itu.

Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Duyong, Datuk Ashakari Abu Noor berkata, projek tersebut telah diluluskan oleh kerajaan Pusat namun pelaksanaannya masih tertangguh sehingga kini.

Menurutnya, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri telah mengambil alternatif jangka pendek membersihkan Sungai Duyong dan saluran perparitan di sekitar Duyong dalam usaha mengurangkan kejadian banjir kilat di kawasan itu.

"Setakat ini, kerja-kerja membersih Sungai Duyong dan beberapa saliran perparitan di Desa Duyong sedang giat dijalankan dan Alhamdulillah, usaha yang diambil ini dapat mengurangkan masalah banjir kilat di kawasan terlibat."

"Kita dapat walaupun Sungai Duyong kini sudah bersih, tiada lagi tumbuhan liar yang terapung memenuhi dasar sungai namun 'bypass' yang terletak di atas jambatan sungai perlu dibesarkan bagi menampung aliran air sungai."

"Kalau tidak dibesarkan, tiada guna juga kerja-kerja pembersihan sungai dibuat namun saya amat menghargai usaha dan tindakan JPS bagi menyelesaikan masalah banjir kilat yang berlaku di kawasan Duyong," katanya ketika mengadakan lawatan di kawasan yang terjejas akibat banjir kilat dalam DUN Duyong.

Menurutnya, paling teruk kawasan yang terjejas ialah di Desa Duyong apabila dinaiki air sebanyak lima kali berpunca dari masalah perparitan di kawasan itu.

Kata Ashakari, selain Desa Duyong, sistem perparitan sedia ada misalnya di Taman Desa Duyong telah mencapai 20 tahun namun tidak dinaik taraf akibatnya gagal menampung kepadatan penduduk yang kian bertambah termasuk taman perumahan baharu berhampiran iaitu Taman Bukit Indah.

"Taman perumahan bertambah tetapi longkang pada taman perumahan sedia ada tidak dibesarkan akibatnya hujan tidak dapat mengalir, jadi kita harap air parit

dapat mengalir dari Taman Desa Duyong ke sungai tebing tinggi iaitu sempadan Duyong dan Bukit Katil.

"Masalah yang sama turut berlaku di taman-taman sekitar jambatan Duyong dimana apabila air sungai melimpah memasuki kawasan kediaman yang terletak agak rendah, ia berlaku kerana masalah saliran longkang di situ," ujarnya.

Ujar beliau, pihak JPS juga diharap agar menyelenggara atau menaik taraf sistem saliran longkang di kawasan Permatang Duyong, Perigi Hang Tuah, Bukit Duyong, Kampung Ladang dan Semabok dalam usaha menangani kejadian banjir kilat di kawasan tersebut.

Misalnya di Perigi Hang Tuah, kata Ashakari, air sungai akan melimpah di kawasan kediaman penduduk dan membanjiri Pusat Perkampungan Hang Tuah ekoran sistem perparitan yang tersumbat di kawasan itu selain tiada tindakan penyelenggaraan yang kerap diambil.

"JPS memaklumkan kerja-kerja membersihkan Sungai Duyong sekurang-kurangnya dapat mengurangkan kejadian banjir kilat dalam DUN Duyong dalam tempoh setahun atau dua tahun akan datang."

"Saya harap selain kerja-kerja membersihkan sungai, JPS juga dapat memberi perhatian menyelenggara dan menaik taraf longkang-longkang yang tidak sesuai lagi bagi menampung kepadatan penduduk," katanya.

Pada masa yang sama, beliau berkata, usaha pihaknya melakukan penjenamaan semula DUN Duyong melalui '#DUYONGkita' telah berjaya mengubah persekitaran komuniti DUN Duyong.

"Sejak kita memperkenalkan #DUYONGkita, hubungan Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelaras Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) dengan penduduk semakin mesra dan kini lebih dekat dengan masyarakat."

"Kita sudah tempatkan sekurang-kurangnya lapan logo #DUYONGkita dalam DUN Duyong dan melalui usaha ini, kita mahu masyarakat sayang dan mesra mendekati JAPERUN Duyong, bukan semata-mata berjumpa jika ada berlaku sesuatu majlis sahaja," katanya.

## BIODATA PENYELARAS DUN DUYONG

**Nama :** Datuk Ashakari Abu Noor

**Tarikh Lahir :** 31 Julai 1964

**Isteri :** Datin Ruslinna Zakaria

**Anak :** 1) Muhamad Qaiyyum  
2) Faten Illani



**Akademik:** Diploma Pengurusan Teknologi Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

**Pengalaman kerjaya:** Pengurus Eksekutif Pro M Builders Sdn Bhd (1994-kini)

Setiausaha Khas Perhubungan kepada Ketua Menteri Melaka (2013-2018)

**Persatuan sukan :** Ketua Pengadil Le Tour De Langkawi (1996-2003)

Pengurus Pasukan Berbasikal Malaysia Sukan Olimpik Tokyo (2020-kini)

## Bertahun tidur tak lena bimbang banjir

**PENDUDUK** kawasan DUN Duyong merayu agar masalah banjir kilat yang dialami sejak lebih tiga tahun lalu di kawasan itu dapat ditangani segera.

Menurut mereka, setiap kali berlaku hujan lebat walaupun dalam tempoh yang singkat, pasti kawasan Duyong dinaiki air sehingga menjelaskan rutin hidup dan memusnahkan harta benda penduduk.

Salah seorang penduduk, Kamarudin Ab Kadir berkata, sepanjang tahun lalu sahaja, berlaku lima kali banjir kilat di kawasan Duyong sekali gus mendatangkan kerugian kepada penduduk akibat kerosakan harta benda.

Menurutnya, projek tebatan banjir di kawasan itu perlu dilaksanakan segera memandangkan populasi serta kepadatan kawasan Duyong yang semakin bertambah setiap tahun.

"Saya ada dengar nak dilaksanakan kerja-kerja tebatan banjir dekat Sungai Duyong tetapi tidak tahu bila nak dimulakan. Saya amat berharap agar segerakan projek tersebut demi menangani masalah banjir kilat di Duyong."

"Penduduk tidak mampu lagi bersabar untuk hadap masalah banjir kilat ini setiap tahun, apakah lagi dalam situasi pandemik COVID-19 yang mana ramai penduduk terkesan kerana hilang sumber pendapatan," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini (MHI).

Selain itu, Azra Hunin berkata, ada penduduk terpaksa membersihkan rumah mereka pada setiap minggu akibat dinaiki air banjir.

Belum selesai bersihkan rumah akibat banjir minggu lepas, minggu berikutnya rumah dinaiki air banjir sekali lagi. Bayangkan kepayahan yang terpaksa dihadapi penduduk akibat masalah banjir kilat ini.

"Sampai bila penduduk Duyong perlu berdepan dengan masalah banjir kilat ini, saya harap masalah ini dapat diselesaikan segera," katanya.

Sementara itu menurut Noor Azlan Yusof, sewajarnya Sungai Duyong dinaik taraf seperti mendalam atau melebarkan sungai tersebut agar bersesuaian dengan persekitarannya yang kian padat dengan populasi penduduk.

Menurutnya, beberapa dialog dan pertemuan dengan pihak berkuasa terbabit sudah diadakan sebelum ini namun belum ada penyelesaian yang konkrit diambil mengatasi isu tersebut.

"Penduduk makin bertambah namun keadaan Sungai Duyong tetap begitu, sama seperti 10 tahun lalu, tidak didalamkan mahupun dilebarkan, sebab itulah berlaku banjir."

"Orang awam yang tiada pengetahuan akademik sebagai juruter atau pakar tentang sungai pun faham dengan masalah berkaitan banjir kilat ini," katanya.

## INFOGRAFIK KAWASAN DUN DUYONG



Infografik : MELAKA HARI INI



# MIMBAR MAIM

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhan mereka serta mengerjakan sembahyang." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

## Aplikasi Jejak Asnaf mudahkan bantuan kepada asnaf

Erwin Abu Hasan  
erwin@maim.gov.my

**MELAKA TENGAH** - Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah mengambil inisiatif membangunkan aplikasi 'Jejak Asnaf' yang bertujuan memudahkan orang ramai salur maklumat mengenai individu yang memerlukan.

Pada ketika tempoh yang sukar ini, aplikasi ini mampu menjadi pemangkin kepada saluran bantuan kepada mereka yang terjejas dan memerlukan khususnya permohonan bantuan kebajikan di bawah saluran dana zakat Negeri Melaka.

Dengan adanya aplikasi tersebut, proses kerja penyaluran kebajikan akan menjadi lebih efisien ditambah pula

penglibatan langsung rakyat dari segi penyaluran maklumat.

Penyampaian maklumat melalui aplikasi ini mampu memastikan mereka yang memerlukan mendapat perhatian sewajarnya dan dalam waktu yang sama dapat mengurangkan kecinciran golongan terjejas dan terkesan.

Fungsi dan peranan aplikasi ini mampu membentuk komuniti yang mengambil cakna keadaan sekeliling mereka terutama masih terdapat antara mereka yang tidak mengetahui saluran agensi mana yang boleh membantu mereka dari segi kebajikan dan sosiok- hidupan.

Mudahnya aplikasi ini yang mempunyai pelbagai fungsi antaranya pendaftaran

pengguna, semakan asnaf, pengisian maklumat asnaf dan semakan status maklumat maupun aduan yang diberikan.

Menerusi perlaksanaan aplikasi tersebut, ia mampu mengurangkan beberapa kes viral yang dibuat tanpa menyakiti status individu berlaku selain sebagai saluran kemudahan bagi penyampaian maklumat berkaitan individu susah.

Kaedah ini juga merupakan satu kemudahan kepada rakyat yang prihatin terhadap kesusahan asnaf dan mampu meningkatkan cara kerja lebih efisien dan sistematis serta menjimatkan masa kerana segalanya hanya melalui hujung jari sahaja.

Individu yang memerlu-

The advertisement features the MAIM logo at the top left. The main title is "APLIKASI JEJAK ASNAF (MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA)". Below it, a megaphone icon is shown with the text "BANTU KAMI JEJAK ASNAF (KHAS UNTUK RAKYAT NEGERI MELAKA)". To the right, a hand holds a pen over a white surface. Below the title, there are download links for Google Play and App Store. The middle section shows three smartphone screens demonstrating the app's features: "DAFTAR PENGGUNA" (Step 1), "LAPOR ASNAF" (Step 2), and "SEMAK LAPORAN" (Step 3). A large yellow box on the right contains five numbered steps: 1. Pendaftaran Pengguna, 2. Semakan Asnaf, 3. Isi Maklumat Asnaf, 4. Semakan Status, and 5. Infographic. The bottom part shows a larger image of the app interface with a call to action: "CARA memuatnaik dan penggunaan alikasi Jejak Asnaf MAIM".

CARA memuatnaik dan penggunaan alikasi Jejak Asnaf MAIM.

kan bantuan juga boleh membuat permohonan untuk diri sendiri melalui ini dengan menyertakan maklumat asas, aduan ringkas, kategori ban-

tuan diperlukan dan maklumat gambar asnaf, sebelum rekod aduan akan disiasat oleh petugas MAIM untuk diproses.

Kepada masyarakat Islam

di negeri, aplikasi Jejak Asnaf MAIM ini boleh dimuat turun di platform Play Store (Android) dan kini melalui aplikasi Apple Store (iPhone).

The banner includes the MAIM logo and text: "PERKHIDMATAN KAUNTER MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA SEPANJANG FASA PERTAMA KAWALAN PERGERAKAN PELAN PEMULIHAN NEGARA". It specifies service hours from 9.00 AM to 12.00 PM. It also lists contact numbers for various MAIM branches and BSAT, along with social media links.

The banner features the MAIM logo and the text "Jam Berwakaf Wakaf Tunai Melaka". It highlights four methods of payment: 1. Potongan Gaji Secara Bulanan via e-Wallet Boost, 2. Download APPS e-WALLET BOOST, 3. Bayar di Kaunter Wakaf MAIM, and 4. Melalui Akaun Bank BANK ISLAM (MAIM) 0401 5010 0174 34. It also shows icons for "Pengambilan/Pembelian Lot Tanah Bagi Tujuan Keagamaan" and "Pembangunan Hartanah Wakaf". The bottom text provides contact information: "Bahagian Wakaf MAIM : 06-283 7416 / 06-284 9809".

## Sumbangan Kit Musa'adah Agensi Agama Islam Melaka



KETUA Menteri, Datuk Seri Utama Dr Sulaiman Md Ali meninjau proses pengagihan kit musa'adah.



TIMBALAN Pengurus MAIM, Datuk Md Rawi Mahmud turut memastikan kualiti kit musa'adah dalam keadaan baik.



KIT disusun rapi sebelum diagihkan.



PENGAGIHAN kepada salah satu Jawatankuasa Pembangunan Dan Penyelarsan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN).



PROSES pengagihan kit sedang dilaksanakan.



KEPERLUAN asas antara isi kandungan kit musa'adah

# Qada zakat : Wajib ditunaikan jika tertangguh



**Datuk Hj. Ibrahim Bin Fadzil**  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
Zakat Melaka,  
Majlis Agama  
Islam Melaka.

“Tidak dipaksa pembayar membayar zakat secara sekaligus, malah boleh dilakukan secara ansuran, tetapi dinasihatkan mendahuluikan bayaran zakat semasa. Sekiranya mampu bolehlah membayar zakat yang tertangguh itu secara beransur-ansur.”

**SESETENGAH** masyarakat Islam kurang jelas mengenai pelaksanaan ibadah zakat lebih-lebih lagi tentang tertangguhnya pembayaran zakat. Mereka beranggapan bahawa zakat wajib di bayar pada bulan Ramadan semata-mata iaitu Zakat Fitrah. Sedangkan banyak terkandung dalam Al-Quran dan Hadith menceritakan tentang Zakat Harta iaitu Zakat Pendapatan, Wang Simpanan, Emas & Perak, Perniagaan, Saham, Pertanian dan Ternakan. Malah Zakat Fitrah juga wajib diqadakan jika tertangguh bayarannya pada bulan Ramadan.

Pelaksanaan ibadah zakat ini merupakan satu tuntutan agama yang wajib ditunaikan oleh setiap umat Islam yang telah mencukupi syarat-syarat wajib zakat. Zakat ini juga merupakan Rukun Islam yang wajib dipatuhi, jika sengaja meninggalkannya maka tidak sempurna Rukun Islam tersebut.

**Kenapa ada zakat lain sedangkan kita dah bayar zakat pada bulan Ramadan?**

**Adakah itu dianggap hutang kita kepada Allah SWT jika tidak dilaksanakan?**

**Macam mana nak laksanakan zakat kalau kita terlupa?**

tahanan, jika kita meninggalkan ibadah solat, maka wajib kita mengqadakan solat tersebut.

Ini sama seperti kita meninggalkan dan menangguhkan zakat, maka wajib juga mengqadakan zakat itu. Ianya merupakan salah satu hutang kita kepada Allah SWT sekaligus merupakan saham akhirat kita nanti.

Sehubungan dengan itu, zakat ini merupakan satu perkara yang membentuk kemajuan pembangunan ekonomi umat Islam keseluruhannya melalui pengeluaran zakat dan penggihan zakat kepada golongan asnaf yang telah ditetapkan oleh Allah SWT di dalam Surah At-Taubah ayat 60.

Antara kelebihan-kelebihan bagi mereka yang mengqadakan zakat yang tertinggal dan tertangguh mahupun secara sengaja atau tidak sengaja adalah seperti:

- i) Dapat menyempurnakan perkara asas iaitu kesempurnaan Rukun Islam.
- ii) Mencari keredaan dan keberkatan dari Allah SWT dalam apa jua keadaan.
- iii) Peluang kedua yang diberikan oleh Allah SWT ke atas umatnya yang beriman dan bertaqwa agar lebih peka dan taat mengikut perintah-Nya.
- iv) Dapat membantu asnaf-asnaf zakat yang sentiasa dalam kesusahan.
- v) Dapat menyucikan jiwa dan hati bagi mereka yang mengqadakan zakatnya itu.

Menurut Jawatankuasa Fatwa yang ber-

Pelbagai persoalan yang dilontarkan oleh masyarakat mengenai ibadah ini. Untuk penge-

**Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian :**  
Ibu Pejabat, Tel : 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel : 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel : 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel : 06-5294635
- Cawangan Merlimau, Tel : 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel : 06-4413358
- Cawangan Utc Melaka, Tel : 06-2831440

Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp : Info Pertanyaan Zakat – (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat – (011-58583900) Laman Web : [www.izakat.com](http://www.izakat.com)

dan Zakat Pulau Pinang.

Oleh yang demikian, tidak dipaksa pembayar membayar zakat secara sekaligus, malah boleh dilakukan secara ansuran, tetapi dinasihatkan mendahuluikan bayaran zakat semasa. Sekiranya mampu bolehlah membayar zakat yang tertangguh itu secara beransur-ansur.

Sebagai seorang mukmin yang sejati, kita wajiblah menuaikan ibadah zakat dengan segera tanpa melengahkannya. Ianya penting bagi memastikan keperluan asnaf-asnaf zakat dapat disempurnakan dengan sebaik mungkin bagi membantu mereka meneruskan kehidupan sehariannya lebih-lebih lagi mereka yang terkesan pendapatannya disebabkan pandemik COVID-19 ini.

Sebarang pertanyaan dan pembayaran zakat bolehlah layari [www.izakat.com](http://www.izakat.com) atau menghubungi di talian 1-300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian what-sapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut

tarikh pada 21 - 23 November 2006 telah memutuskan bahawa: “Mengenai hukum QADA ZAKAT, ianya wajib dilakukan bagi zakat yang telah memenuhi syarat-syarat wajib yang tidak ditunaikan pada masa yang sepatutnya”.

Qada zakat adalah salah satu daripada jenis zakat yang dikutip oleh pungutan zakat negeri, malah ada beberapa negeri menyebut jelas mengenai pembayaran qada zakat ini dalam laman web mereka. Sebagai contoh Pusat Pungutan Zakat Wilayah, Lembaga Zakat Selangor




**PEMBAYARAN QADHA  
ZAKAT FITRAH**

**Secara dalam talian menerusi  
FPX di [www.izakat.com](http://www.izakat.com)**

**“Sesungguhnya Allah telah memfardukan zakat sebagai pembersihan terhadap harta”**  
(Riwayat Bukhari)

**“ZAKAT - Bersih Jiwa, Suci Harta”**

Talian Zakat:  
**1-300-88-0233**

Zakat Melaka [Facebook](https://www.facebook.com/zakatmelaka) [Instagram](https://www.instagram.com/zakat.melaka/) [www.izakat.com](http://www.izakat.com)

**ZAKAT MELAKA**  
Bersih Jiwa Suci Harta

Hanya **2.5%**

**“Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi”**

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: [www.izakat.com](http://www.izakat.com)

## Keprihatinan Skuad Agihan Zakat Melaka (SAZ) MCAOM



MAIM turut menyampaikan bantuan kerusi roda dan katil kepada asnaf.



MENYANTUNI saudara muslim atau muallaf antara keutamaan SAZ MAIM.



SETIAUSAHA MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim manyantuni asnaf di DUN Banda Hilir.



SKUAD Agihan Zakat Melaka (SAZ) MAIM Cawangan ALor Gajah menyampaikan bantuan tunai kepada asnaf.



SAZ MAIM sentiasa bersedia dan memainkan peranan menjelaki dan membantu asnaf yang memerlukan.



MUHAMMAD Ikram bertanya khabar salah seorang asnaf.



WWW.KIBGIM.COM SCAN HERE

# SMART A+

SOALAN LATIHAN & TEKNIK  
MENJAWAB SPM  
SUBJEK: ADDMATH

JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &  
MENGINSPIRASI!  
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

SUBJEK : ADDMATH

## SUDUT REVISI BAB TINGKATAN 4

### SENARAI RUMUS LIST OF FORMULAS

1.  $Z = \frac{X - \mu}{\sigma}$
2.  $P(X = r) = {}^nC_r p^r q^{n-r}, \quad p + q = 1$
3.  ${}^nP_r = \frac{n!}{(n-r)!}$
4.  ${}^nC_r = \frac{n!}{(n-r)!r!}$
5.  $I = \frac{Q_1}{Q_2} \times 100$
6.  $\bar{I} = \frac{\sum W_i I_i}{\sum W_i}$

### CONTOH FORMAT SPM 2021 (1449/1) - MATEMATIK TAMBAHAN KERTAS 2)

1. Jadual 1 menunjukkan indeks harga pada tahun 2021 berdasarkan tahun 2015 bagi empat bahan berbeza A, B, C dan D dalam pengeluaran makanan.  
*Table 1 shows the price indices in the year 2021 based on the year 2015, of four different materials A, B, C and D in the production of a type of food.*

Bahan Material	Indeks harga pada tahun 2021 berdasarkan tahun 2015 <i>Price index in the year 2021 based on the year 2015</i>	Pemberat Weightage
A	130	4
B	$p$	$k$
C	115	$k-1$
D	80	3

- a) Jika bahan B berharga RM3.00 dan RM 3.60 pada tahun 2015 dan 2021, masing-masing, hitung  $p$ .  
*If the price of material B is RM3.00 and RM3.60 in the year 2015 and 2021, respectively, calculate  $p$ .* [2 markah/marks]
- a) Jika indeks gubahan pada tahun 2021 berdasarkan tahun 2015 ialah 111.5, cari nilai  $k$ .  
*If the composite index in the year 2021 based on the year 2015 is 111.5, find the value of  $k$ .* [2 markah/marks]
- b) Cari harga makanan pada tahun 2021, jika harganya pada tahun 2015 ialah RM10.00.  
*Find the price of the food in the year 2021 if its price in 2015 was RM10.00.* [2 markah/marks]
- c) Diberi bahawa harga bahan C dianggarkan meningkat 15% dari tahun 2020 hingga 2021, manakala selainnya tidak berubah. Hitung indeks gubahan bagi makanan pada tahun 2020 berdasarkan tahun 2015.  
*Given the price of material C is estimated to increase by 15% from the year 2020 to 2021, while the others remain unchanged. Calculate the composite index of the food in the year 2020, based on the year 2015.* [4 markah/marks]

### JAWAPAN

1. a) Untuk mendapatkan indeks harga pada tahun 2021 berdasarkan tahun 2015 bagi bahan B, pelajar perlu menggunakan rumus (5)

$$I_{21/15} = \frac{Q_{21}}{Q_{15}} \times 100.$$

Diberi  $Q_{21} = 3.5$  dan  $Q_{15} = 3$ . Maka indeks harga pada tahun 2021 berdasarkan tahun 2015 bagi bahan B ialah

$$I_{21/15} = p = \frac{3.5}{3} \times 100 \\ = 120.$$

- b) Diberi indeks gubahan pada tahun 2021 berdasarkan tahun 2015 ialah 130, dengan menggunakan rumus (6),

$$\bar{I} = \frac{\sum W_i I_i}{\sum W_i}$$

Maka,  $\bar{I} = 130, I_1 = 130, W_1 = 5, I_2 = 117, W_2 = k, I_3 = 115, W_3 = k-1, I_4 = 80, W_4 = 1$ .  
Masukkan kesemua maklumat di dalam rumus (6),

$$111.5 = \frac{(130 \times 4) + (120 \times k) + (115 \times (k-1)) + (80 \times 3)}{4 + k + k - 1 + 3} \\ 111.5(2k + 6) = 520 + 120k + 115k - 115 + 240 \\ 223k + 669 = 645 + 235k \\ 12k = 24 \\ k = 2.$$

- c) Menggunakan index gubahan dari soalan (b) iaitu  $\bar{I} = 130$  dan rumus (5),

$$I = \frac{Q_1}{Q_2} \times 100 \\ 111.5 = \frac{Q_{21}}{Q_{15}} \times 100 \\ Q_{21} = RM11.15$$

- d) Diberi bahawa harga bahan C dianggarkan meningkat 15% dari tahun 2020 hingga 2021, manakala selainnya tidak berubah. Maka index bagi bahan C pada tahun 2021 bagi asas 2020 ialah 115,  $I_{21/20} = 115$  dan index bagi bahan A, B dan D pada tahun 2021 bagi asas 2020 ialah 100,  $I_{21/20} = 100$ .

Untuk mendapatkan indeks bagi tahun 2020 berdasarkan 2015, pelajar perlu mengira menggunakan formula  $I_{21/15} = \frac{I_{21/20}}{100} \times \frac{I_{20/15}}{100} \times 100$

$$I_{21/15} = \frac{I_{21/20}}{100} \times \frac{I_{20/15}}{100} \times 100 \\ \text{Bagi bahan A, } 130 = \frac{100}{100} \times \frac{I_{20/15}}{100} \times 100 \\ I_{20/15} = 130$$

Memandangkan tiada perubahan pada nilai indeks  $I_{20/15}$  bagi bahan A apabila tiada perubahan peningkatan atau penurunan berlaku, maka, indeks bagi bahan B dan bahan D pada tahun 2020 bagi asas 2015 juga adalah 120,  $I_{20/15} = 120$  dan 80,  $I_{20/15} = 80$ , masing-masing.

$$I_{21/15} = \frac{I_{21/20}}{100} \times \frac{I_{20/15}}{100} \times 100 \\ \text{Bagi bahan C, } 115 = \frac{115}{100} \times \frac{I_{20/15}}{100} \times 100 \\ I_{20/15} = 100$$

Maka, indeks gubahan bagi makanan pada tahun 2020 berdasarkan tahun 2015

$$\bar{I} = \frac{\sum W_i I_i}{\sum W_i} \\ \text{adalah } = \frac{(130 \times 4) + (120 \times 2) + (100 \times 1) + (80 \times 3)}{10} \\ = 110.$$

Oleh Fiqqa Jamal  
Foto MR AZLI



**BUKAN** calang-calang orang boleh memandu van jenazah, hanya mereka yang berani, cekal yang mampu menggalas tugas terbabit.

Kagum dengan kerjaya pemandu van jenazah atau dipanggil 'pilot' itu Ceritera Wira tidak didendang minggu ini, Melaka Hari Ini (MHI) membawakan cerita 'Pilot ke liang lahad' berkisarkan pengalaman seorang pemandu van jenazah Hospital Melaka.

#### 25 TAHUN BAWA VAN JENAZAH

Kerjaya pemandu van jenazah bukan kerja yang mudah, meskipun hanya ditugaskan untuk menghantar jenazah namun pelbagai situasi dialami sepanjang perjalanan menuju ke destinasi dituju.

Azman Omar atau lebih dikenali dengan panggilan Cikman, 48, yang sudah berkhidmat hampir 25 tahun sebagai pemandu van jenazah Hospital Melaka berkongsi cerita pengalaman dialamnya sendiri ketika menghantar jenazah.

Ujar Cikman, berbekalkan pengalaman bekerja yang lama di Unit Angkut Hospital Melaka sejak tahun 1997 itu, dia sudah menghantar jenazah dari pelbagai latar belakang meliputi seluruh Semenanjung Malaysia.

#### MATA 'DITUTUP' SELESAI HANTAR JENAZAH

Katanya, antara pengalaman yang boleh dikongsi adalah semasa pertama kali dia ditugaskan untuk menghantar jenazah ke Mersing, Johor pada lewat 90-an. Ujarnya, selesai menghantar jenazah kira-kira jam 3 petang, dia ketika itu memandu van tersebut berseorangan pulang ke Melaka.

"Selalunya perjalanan dari Melaka ke Mersing dalam dua jam sahaja, selepas usai menghantar jenazah di rumah keluarganya, Cikman memandu pulang ke Melaka namun tidak jumpa jalan yang dilalui sebelum ini.

"Allah nak uji masa tu, mata Cikman 'di-

# 'Pilot' ke liang lahad



**AZMAN** sentiasa memastikan van jenazah yang dipandunya dalam keadaan bersih sebelum menghantar jenazah ke tanah perkuburan.

tutup' tidak nampak jalan, mungkin Cikman ada buat kesilapan masa tu, cemas, pusing-pusing jalan yang sama, ikut jalan ada tali air, lorong kecil yang tak pernah lalu, sehingga di satu simpang Cikman ternampak ada orang, lalu Cikman bertanyakan arah jalan untuk pulang.

"Alhamdulillah, lepas dari itu baru jumpa jalan balik ke Melaka, sampai di Melaka hampir empat jam lewat tiba," katanya.

#### TIDO DALAM LONG (keranda) JENAZAH

Sementara itu, Cikman turut berkongsi pengalaman luar biasa dialaminya semasa perjalanan pulang selepas menghantar jenazah ke Kelantan.

Jelasnya, perjalanan yang agak panjang, ketika itu dia memandu van tersebut ditemani rakan setugasnya bergerak dari Melaka lewat petang dan tiba di Kelantan tengah malam.

"Usai menghantar jenazah, kami pulang

ke Melaka, dalam perjalanan di Terengganu, kami berhenti tepi jalan, tukar pemandu, Cikman rasa letih sangat ketika itu, lalu terus pergi ke bonet van, buka, Cikman tarik penutup long jenazah, cikman baring dalam long tersebut.

"Kawan Cikman terkejut masa tu, dia tanya betul ke nak baring dalam tu?, Cikman kata penat jalan jauh, duduk kat kerusi tu lenguh, sakit-sakit badan, Cikman nak lurus badan, Cikman tido dalam tu sampai lah tiba ke Melaka.

"Apa yang Cikman rasa, biarlah disimpan sendiri dan tak perlu untuk dikongsi, namun pengalaman itu adalah luar biasa dan manis bagi Cikman sebab tidak semua mampu buat begitu, ini sekadar kongsi pengalaman," jelasnya.

#### TERTUKAR JENAZAH

"Pernah satu kes dulu, kami tersalah hantar jenazah, pasal kami ini pemandu dan

tidak mengenal rupa jenazah, kejadian itu berlaku apabila waris sendiri tidak mengenal pasti atau melihat jenazah yang dimasukkan ke dalam long.

"Tugas kami ni pemandu, kami asal naik je long masuk dalam van, kami jalan dan tanya waris balik kemana dan kami pun gerak.

"Bila gerak, Cikman ada keluar dgn kawan masa tu, cikman sampai dulu. Bila sampai dulu di tempat kejadian, bila bila waris pun tengok jenazah rupanya orang lain. Telefon kawan masa tu, kawan pun hampir tiba dirumah jenazah lain tadi dan Cikman maklum pada dia untuk meminta keluarga waris di sebelah sana lihat sendiri jenazah betul atau tidak.

"Rupanya salah dan kami pun bertukar balik, bertukar laluan dan hantar jenazah ke destinasi yang betul. Itulah ujian buat kami, lain orang lain ujian dihadapi," tambahnya.

#### CABARAN PILOT VAN JENAZAH

Bagi Cikman, bekerja ketika Aidilfitri selain dipanggil bertugas 'on call' ketika cuti antara pengorbanan yang perlu dilakukan dalam memenuhi amanah dan tanggungjawab yang digalas.

Dia yang berasal dari Durian Tunggal juga mengakui tugas sebagai pemandu van jenazah hospital amat mencabar kerana memerlukan fokus yang tinggi di jalan raya bagi menghantar jenazah selamat tiba ke destinasi selain perlu sentiasa dalam 'mode standby'.

"Jenazah yang dihantar bukan dalam Melaka sahaja, kadang dua tiga pagi kami perlu hantar jenazah ke negeri asal mereka, dan jarak penghantaran jenazah ini juga tidak dekat, jadi tugas ini merupakan tanggungjawab yang digalas perlu diselesaikan dengan selamat meskipun jenazah itu tidak berneyawa.

"Lebih mencabar dalam situasi pandemik Covid 19 ini, kami penghantaran jenazah Covid 19 dan perlu memakai pemakaian perlengkapan perlindungan (PPE) lengkap sepanjang perjalanan, selain setiap kali selepas menghantar jenazah perlu membersihkan van, lakukan sanitasi, antara cabaran yang perlu ditempuh," tambahnya.

Apapun, dia turut lahirkan rasa gembira kerana dapat menyumbang kepada komuniti meskipun tugasnya hanya sebagai pilot ke liang lahad.

## Hospital Melaka terima sumbangan peralatan RM60,000

#### Mohamad Fazrul Abdul Majid

**BUKIT PALAH** – Hospital Melaka baru-baru ini menerima sum-

bangunan peralatan perubatan bernilai RM60,000 daripada MERCY Malaysia.

Antara peralatan perubatan

disumbangkan ialah 'patient monitor', 'high flow nasal cannular', pelitup muka N95 dan kelengkapan alat pelindung diri (PPE).

Pengarah Wilayah MERCY Malaysia, Shah Fiesal Hussain memaklumkan bantuan itu sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) pihaknya dalam membantu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menangani pandemik COVID-19.

Jelasnya, sejak pandemik itu melanda Mac tahun lalu hingga sekarang, pihaknya telah menyalurkan pelbagai bantuan terutamanya peralatan perubatan kepada hospital seluruh negara dengan anggaran nilai sumbangan berjumlah RM40 juta.

"Kita percaya keperluan peralatan perubatan ini masih diperlukan untuk masa-masa akan datang.

"Jadi, kita akan cuba sedaya upaya untuk membantu mana yang boleh bukan sahaja di Hospital Melaka, bahkan juga di hospital-hospital lain," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan sumbangan kepada Pengarah Hospital Melaka, Dr. Zaharimah Abdul Kadir di lobi

hospital berkenaan.

Mengulas lanjut, Shah Fiesal berkata, selain peralatan perubatan, MERCY Malaysia turut menggerakkan bantuan dari segi sumber manusia untuk membantu KKM dan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) seluruh negara.

Sehingga kini, ujarnya, kira-kira 1,000 sukarelawan disediakan untuk membantu dalam pelbagai bidang, baik dari segi logistik sehingga ke bahagian perubatan seperti doktor dan jururawat.

"Sehubungan itu, pihak MERCY Malaysia sangat berbesar hati sekiranya ada pihak yang ingin menyalurkan bantuan dari segi dana untuk merealisasikan usaha-usaha kami dalam bersama-sama membantu menangani pandemik COVID-19.

"Untuk menyalurkan dana, orang ramai boleh menghubungi bahagian 'Fund Raising Event' MERCY Malaysia atau boleh melayari [www.mercy.org.my](http://www.mercy.org.my) untuk maklumat lanjut," katanya lagi.



SHAH FIESAL (kiri) menyampaikan bantuan peralatan perubatan kepada Dr. Zaharimah (tengah) bertempat di lobi



**PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican**

# Yusof Ishak's *Utusan Melayu*: The Genesis of Malay Newspaper Journalism

that would be owned, financed as well as staffed solely by "Malays of the Archipelago."

Yusof in *Utusan Melayu*'s anniversary publication, *Utusan Melayu Sepuloh Tahun* (Ten Years of *Utusan Melayu*) (Singapore 1948), and later interviews in 1960-61 with Daud Mohd Shah and Haji Embok Suloh Haji Omar, the principal backers of the paper, recalled that as a young journalist on the committee of KMS who was then working for *Warta Malaya*, he was tasked to inquire into setting up a Malay newspaper. Finally the *Utusan Melayu* Press Ltd. was established in 1938 located at No. 64 Queen Street. The first issue appeared on 29 May 1939, sold for 10 cents a copy. Ishak Muhammad (later known as Pak Sako) who acted as editor of the newspaper for the first issue wrote the piece 'Dari *Warta Malaya* ke *Utusan Melayu*' (From *Warta Malaya* to *Utusan Melayu*) when the newspaper made its debut. Yusof was Chief Editor and Manager of Syarikat *Utusan Melayu*, while Daud functioned as Managing Editor. Its Sunday edition, the *Utusan Zaman* was in the streets on 5 November 1939.

In 1914 (until 1931) Eunos was appointed editor of *Lembaga Melayu* - representing progressive urban Malay opinion. The demise of *Lembaga Melaya* marked the end of an era of Malay-language journalism, and the beginning of another, in Onn b. Ja'afar's *Warta Malaya*.

That was the social climate when Yusof entered journalism. He first started a fortnightly magazine, *Sportsman* upon leaving school in 1929. At the invitation of a school friend, Syed Hussein bin Ali Alsagoff, he joined the Alsagoff-owned newspaper, and rose rapidly to become the assistant manager and then acting editor. *Warta Malaya* was established in 1930 and helmed by Onn Jaafar, who later founded UMNO. It was the largest circulating newspaper at the time, often highlighting the socioeconomic conditions of the Malays. The major newspapers then were owned and led by the Jawi Peranakans, and Arabs in the likes of the Alsagoffs. They expressed the opinion and aspirations of the general Muslim community rather than the Malays in particular.

The Malay intelligentsia then was concerned with the absence of what William Roff (1967) described as the autochthonous Malay-language journalism. In reading the pulse of the Malay psyche, Roff felt that in Singapura, relations between the Malays and other elements of the local Muslim community had been strained since the 1920s. In 1938 a meeting of some 20 people was held in the house of Daud bin Mohd. Shah, president of the KMS to discuss the possibility of starting a national daily



**YUSOF** had a pioneering role in many aspects of journalism in late colonialism and in the early nation building process in Malaysia and Singapore.

**// Yusof had a pioneering role in many aspects of journalism in late colonialism and in the early nation building process in Malaysia and Singapore. His principles as a journalist, however, did not allow him to continue running the newspaper. //**

Earlier Yusof was much aware that the newspaper they had imagined would need a first-rate editor, without which there would be no expertise and competency. Without it, Yusof would not seek funding. He approached Abdul Rahim Kajai, at that time with *Warta Malaya* in Singapura. Kajai agreed.

The initial capital was 2,000 dollars. Another 10,500 dollars were to be raised within the next three months to comply with company regulations. In *The Origins of Malay Nationalism*, Roff described the many weeks of share pushing by the supporters of the scheme. Every Friday was spent travelling to all over southern Johore and Singapura talking to mosque congregations after Jumat prayers. According to Yusof, he visited more than 30 kampong, addressing more than 5,000 people. Meanwhile, Daud went to Kuala Lumpur to enlist support there, though not with great success. Pak Sako, then a writer with *Warta Ma-*

*laya*, toured Pahang and the east coast states. He later wrote a brilliant series of articles describing Malay life there for *Utusan Melayu* in May and June 1939.

It was said that some 400 Malays, many of them taxi drivers, hawkers and small farmers – had brought the shares in the company. The movable Jawi type was bought in Hong Kong. Yusof went to England to acquire a printing press. Clerical, printing and editorial staff were engaged. Among the journalists were Yusof himself, Ishak and Zainal Abidin bin Haji Alias (Zabha) who remained until 1960. All were from *Warta Malaya*.

Embok later wrote that *Utusan Melayu* was presented to the public as a 'purely' Malay enterprise (meaning no intervention from the Arabs and Jawi Peranakan) with ideas, composition and production entirely in Malay hands. Like early Minangkabau journalism before World War II, "progress" (*Kemajuan*) was much

addressed in its pages. The Arab-owned *Warta Malaya* had levelled accusations against *Utusan Melayu* as dangerously *Kaum Muda*, and "out to subvert Islam."

It was a bitter first few months. Competition of *Warta Malaya* and *Lembaga Melayu* were fierce. It was a newspaper with a cause. By late 1939, it was selling over 1,000 copies daily. In June of 1939, a reader's letter saw the newspaper as "the first real sign of a national Malay movement." *Utusan Melayu* established Malay journalism in Malaysia, with Singapura as its hub. It resonated a vibrancy of identity and liberal attitudes, each accommodating the other.

That was the world of Yusof Ishak. On 5 May 2017, I was asked to speak on "Singapore as Abode of Early Malay Journalism: Yusof Ishak and Nationhood," and launch a pictorial volume on Yusof Ishak published by ISEAS-Yusof Ishak Institute. I said that Singapura was destined to be the site for a vibrant

Malay publishing and a centre for the Archipelago's intellectual community. It was a collusion of cultural geography, colonialism, and the maritime with newspapers and journalism. After World War II, Yusof Ishak was dragged into the fateful interplay of history, geography and nationhood.

Yusof had a pioneering role in many aspects of journalism in late colonialism and in the early nation building process in Malaysia and Singapura. His principles as a journalist, however, did not allow him to continue running the newspaper. UMNO, the dominant party in Malaya at that time took over *Utusan Melayu* in May 1959. Yusof left journalism and his own newspaper. A few months later he became the Yang Dipertuan Negara Singapura. His journalistic ethos never came back.

**NEXT WEEK:  
Abdullah Munshi**

\*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.

# 'The Sail' fasa pertama siap 80 peratus

**Fiqah Jamal**

**AYER KEROH** - Projek mega The Sail Melaka Fasa pertama kini mencapai 80 peratus kadar pembinaan dan akan disempurnakan menjelang penghujung tahun ini.

Pengasas dan Pengurus Sheng Tai International, Datuk Leong Sir Ley berkata, pembangunan fasa kedua hab fesyen itu pula sedang dibangunkan dan kini mencapai 30 peratus kadar pembinaan.

Katanya, tumpuan sepenuhnya diberi kepada projek The Sail dengan nilai pembangunan kasar (GDV) kira-kira RM6.5 bilion dan terdiri daripada enam fasa.

"Sebelum hujung tahun ini, The Sail Fasa 1 akan siap berikutan sehingga kini 80 peratus pembangunan telah dicapai dan akan dilancarkan menerusi platform digital mengikut keadaan semasa.

"Manakala bagi The Sail Fasa 2 telah mencapai sehingga 30 peratus kadar pembinaan dan dijangka akan siap sebelum hujung tahun depan.

"Ini hanya soal masa dan pada era ini dengan keadaan pandemik ini mengajar kita untuk menjadi lebih kreatif, dan saya berpendapat pemulihian sektor hartanah akan berlaku seperti biasa tidak lama lagi memandangkan program vaksinasi yang dijalankan pihak kerajaan berjalan dengan pantas," katanya dalam sesi temu bual atas talian, baru-baru ini.



SIR Ley



**PROJEK** mega The Sail bakal merangkumi pelbagai jenis infrastruktur dan pembangunannya melibatkan enam fasa. Foto ilustrasi The Sail

Untuk rekod, projek mega The Sail merangkumi sembilan menara, setiap satu terdiri daripada 61 tingkat mengandungi 3,259 unit kondotel mewah; tiga menara hotel lima dan

enam bintang setinggi 61 tingkat berjumlah 2,584 unit; sebanyak 1,215 unit 'suite business' selain dataran kebudayaan berkeluasan 36,2938 kaki persegi yang menempatkan 65

unit kedai mengadap Selat Melaka.

Pada 11 Mei lalu, Sheng Tai menandatangani memorandum perjanjian (MoA) dengan KenTeam International Sdn Bhd (KTI), bagi

menjadikan The Sail Melaka sebagai hab bebas cukai dan pusat kewangan antarabangsa selain memohon status bebas cukai pada Fasa kedua The Sail itu.

## Sheng Tai lahir 16 'influencer' pelbagai bidang

**PEMAJU** hartanah, Sheng Tai International Sdn Bhd melahirkan 'influencer' dalam kalangan usahawan pelbagai bidang sebagai usaha membantu mereka yang terjejas dalam pandemik COVID-19.

'Influencer' adalah mereka yang memiliki banyak pengikut di media sosial serta boleh mempengaruhi orang lain dalam membuat keputusan, misalnya untuk membeli produk tertentu.

Datuk Leong Sir Ley berkata, penggunaan platform digital digunakan untuk mengasah bakat, memimpin usahawan untuk menjadi influencer untuk menjual produk pilihan mereka sehingga mampu menembusi pasaran dunia.

Katanya, mereka yang dipilih adalah individu yang tampil sendiri kepadanya dan mereka adalah golongan marhaen yang ingin mengubah nasib namun keadaan tidak mengizinkan.

"Pada awalnya, saya hanya bantu beberapa orang, namun melihat keadaan pandemik di Malaysia yang pa-

sang surut, saya dan pasukan Sheng Tai mengambil jalan untuk persiapkan mereka ini sehingga menjadi influencer dengan membawa nama Sheng Tai, selain mereka juga

dan produksi untuk membantu peniaga terbabit memasarkan produk pilihan.

"Sebagai contoh, Hanna seorang gadis Melayu, yang

ingin memasarkan Tauhu Bergedil, kami bantu dia dan kini pasaran produk tauhu bergedil sudah sampai ke negara China.

"Satu lagi influencer, seorang Chef hotel yang kehilangan kerja semasa pandemik, kami bantu dia untuk mengajar menerusi platform

disediakan dan mampu menjana pendapatan," katanya dalam sesi temubual bersama media secara maya baru-baru ini.

**II** Satu lagi influencer, seorang Chef hotel yang kehilangan kerja semasa pandemik, kami bantu dia untuk mengajar menerusi platform disediakan dan mampu menjana pendapatan **II**

mampu untuk menjana pendapatan sendiri dengan produk pilihan mereka.

"Menerusi Angel Management di bawah Sheng Tai Group, lebih 16 influencer telah dilahirkan dan kami hanya menyediakan platform, produksi kandungan

## Program Subsidi Upah Kerajaan salur RM15.67 bilion

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan telah menyalurkan sebanyak RM15.67 bilion di bawah Program Subsidi Upah (PSU) yang memberi kemudahan kepada 2.74 juta pekerja dan 333,533 majikan di seluruh negara.

Ketua Pegawai Eksekutif Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), Datuk Seri Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata semua sektor telah mendapat manfaat daripada program ini bermula daripada PSU 1.0 hingga PSU 3.0.

Selepas pengumuman PSU 4.0, jumlah peruntukan untuk program itu dijangka meningkat kepada RM15.82 bilion, katanya pada sidang media baru-baru ini.

Permohonan PSU 4.0 akan dibuka mulai 1 Ogos hingga 30 Oktober, 2021, pembayaran akan dilakukan dalam tempoh antara tujuh hingga 14 hari daripada tarikh diluluskan.



DR. Abdul Rahim

"Majikan boleh memohon subsidi sebanyak RM600 sebulan untuk semua pekerja tempatan tanpa had gaji, terhad kepada 500 pekerja bagi satu perusahaan."

"Di bawah PSU 4.0, majikan juga diminta untuk memasukkan maklumat

subsidi dalam slip gaji pekerja," kata-nya.

Mohammed Azman berkata bagi dua bulan pertama mulai 1 Ogos, 2021, PSU 4.0 akan dibuka kepada majikan di semua sektor ekonomi yang pendapatannya terjejas sekurang-kurangnya 30 peratus selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Untuk dua bulan berikutnya, subsidi akan diberikan secara khusus kepada sektor yang dikategorikan dalam senarai negatif yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara.

Secara keseluruhan, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM3.8 bilion untuk PSU 4.0 di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihran Ekonomi (PEMULIH) yang dijangka dapat memberi manfaat kepada 2.5 juta pekerja dan 242,000 majikan di seluruh negara.- BERNAMA



DR. SHANKAR GUNARASA



**BUASIR** adalah pembengakkan saluran darah di bahagian anus dan masalah yang paling lazim untuk seseorang pesakit itu berjumpa dengan doktor. Kebiasanya buasir adalah bersimptomkan secara kebetulan dimana seseorang itu akan mengalami pendarahan najis tanpa merasa sebarang kesakitan. Namun begitu, pembuangan najis berdarah bukan hanya satu simptom untuk buasir. Kegatalan di dubur, kesakitan di dubur, pembengakkan di dubur dan adakalanya sembelit adalah antara simptom simptom lain untuk buasir.

Buasir adalah dua jenis iaitu buasir dalaman dan buasir luaran. Kedua duanya ada simptom yang berlainan

#### BUASIR DALAMAN

Merupakan pembengakkan saluran darah, kebiasanya vena, di lapisan dalam rektum. Pesakit akan mengadu terdapat pendarahan selepas membuang najis tanpa kesakitan. Ada juga pesakit yang akan terasa seperti unjuran yang terkeluar dari dubur selepas membuang air besar. Namun unjuran ini mungkin hilang sendiri atau ada juga

# Apa itu Buasir?


yang perlu menolak balik unjuran ini ke dalam.

#### BUASIR LUARAN

Merupakan pembengakkan saluran darah vena di bahagian bawah kulit luar dari dubur. Pesakit seringkali mengadu kesakitan dan kesakitan yang dirasai mungkin berbeza. Ada sesetengah pesakit yang mungkin merasa sedikit tidak selesa, ada juga yang merasa panas atau amat pedih. Sakit yang kuat yang berlaku adalah adalah di sebabkan oleh tekanan atau "pressure effect" oleh darah beku dalam saluran darah yang tersumbat di kulit luar dubur.

#### KENAPA BUASIR BOLEH BERLAKU?

Lazimnya kebanyakkan pesakit yang berjumpa dengan saya dan secara lazimnya berpunca daripada sembelit berlamaan dan juga meneran semasa membuang air besar. Wanita mengandung mungkin mengalami buasir kerana pembesaran janin menyebabkan tekanan ke bahagian dubur. Kesemua keadaan ter-sebut menyebabkan penambahan tekanan kepada salur vena di rektum dan dubur dan ini menyebabkan pembengakkan dan pembesaran. Antara masalah yang paling ketara dan yang perlu di pastikan ialah kanser rektum yang juga salah satu sebab yang boleh menyebabkan buasir. Oleh itu saya sentiasa sarankan kepada pesakit saya yang mengalami pembuangan najis berdarah atau buasir untuk menjalani ujian



Salah satu lagi kaedah pembedahan buasir adalah "stappled hemmoroidectomy" merupakan pembedahan untuk membuang unjuran buasir dan mengelakkan yang buasir keluar dari dubur.

endoskopi kolonoskopi untuk mengetahui dalang yang menyebabkan kondisi ini.

#### APA YANG ANDA PERLU LAKUKAN?

Anda tentunya telah di tegur oleh rakan anda yang mengatakan buasir akan hilang/baik tanpa rawatan dengan hanya mengelakkan sembelit atau meneran semasa membuang air besar. Memang benar, namun saya menasihati anda untuk berjumpa dengan doktor untuk mendapat nasihat yang lebih tepat tentang masalah anda. Seperti yang telah saya huraikan, ada beberapa sebab, selain buasir yang boleh menyebabkan pembuangan najis berdarah.

Kebiasanya pesakit akan menjalani ujian darah dan juga ujian endoskopi kolonoskopi untuk memastikan diagnosis sebenar sebelum sebarang rawatan boleh di mulakan.

Sekiranya ianya buasir, bergantung kepada gred buasir, rawatan yang setimpal akan diberikan. Ada empat gred untuk buasir. Untuk Gred 1-2, rawatan ubatan seperti flavinoids sudah memadai serta megelakkan sembelit atau terlalu meneran semasa membuang air besar. Lebihkan pengambilan serat dalam pemakanan anda dengan memakan buah-buahan, sayur-sayuran hijau dan bijirin. Jika ingin memakan roti atau bijirin, pilihlah yang mengandungi bijiran penuh (wholemeal). Lebihkan minum air, sebaik-baiknya lapan gelas sehari.

Untuk Gred 1-2 juga, 'rubber band ligation' atau lebih di kenali di kalangan pesakit sebagai "ikat" boleh dilakukan bagi rawatan buasir dalaman dan bukan luaran. Rawatan ini adalah dimana gelung getah yang kecil dipasang dipangkal buasir dengan bantuan alat penyedut dan menyebabkan aliran darah ke kawasan tersebut terhenti dan buasir tersebut mengikut.

'Sclerotherapy' juga boleh di gunakan untuk gred ini di mana sejenis cecar contohnya Phenol disuntik ke dalam buasir tersebut menyebabkan dinding saluran vena tersebut mengikut.

Berlainan pula dengan buasir Gred 3-4 di mana di sebabkan oleh saiznya, pembedahan perlu di lakukan. 'Hemorrhoidectomy' di mana pembedahan dilakukan dengan menggunakan 'energy device' yang khas untuk memotong buasir tersebut.

Ini adalah jenis pembedahan konvensional tetapi cukup mujarab terutamanya

bagi buasir luaran Gred 4. Di sebabkan oleh kesan luka dari pembedahan ini, pesakit akan merasa sedikit keperitan semasa membuang najis selepas pembedahan. Pesakit yang menjalani prosedur ini mengambil masa 2-4 minggu untuk pulih.

'Doppler guided transanal hemoroidal artery ligation' atau DGHAL di mana mesin ultrasound digunakan untuk mengehal pasti aliran darah arterial terbabit yang kemudian disekat dengan jahitan. Ini adalah antara rawatan terbaru di Malaysia dan procedure ini memberi kesan kesihatan yang amat kurang. Namun bukan semua jenis buasir boleh di rawat sebegini rupa, kesesuaianya akan di pastikan oleh doktor bedah yang merawat.

"Laser hemmorrhiodoplasty" adalah salah satu rawatan untuk buasir, di mana laser khas di gunakan di dalam buasir dan dari kesan haba yang di pancarkan, buasir ini akan mengikut.

Sama seperti DGHAL, bukan semua jenis buasir boleh di rawat dengan menggunakan laser. Namun ianya memberi kesan kesakitan yang kurang selepas pembedahan di dubur.


Salah satu lagi kaedah pembedahan buasir adalah "stappled hemmoroidectomy" merupakan pembedahan untuk membuang unjuran buasir dan mengelakkan yang buasir keluar dari dubur.

#### AKHIR KATA


Apabila terdapat gejala tertentu seperti darah dalam najis, sakit ataupun buasir, berjumpalah doktor atau mana-mana ahli perubatan yang bertauliah di klinik atau hospital yang berdekatan dengan anda. Jangan di biarkan penyakit tersebut berlalu dengan menganggap penyakit itu akan sembah dengan sendirinya. Amalkan pengurusan diri yang baik dengan banyakkan minum air, memakan makanan seimbang dan kurangkan dari memakan makanan yang boleh menyebabkan gangguan pada usus besar anda (makanan pedas atau berempah, keras dan alkohol) atau yang boleh merangsangkan usus besar anda terutamanya hujung dubur.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan rawatan buasir, anda boleh berhubung dengan Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131

#### Doppler-guided Haemorrhoid Artery Ligation (HAL)



(Sumber : Colorectal Surgeons Sydney)



# Ceritera enam masjid bersejarah

**Fiqah Jamal**

**MELAKA** pada abad ke-15 pernah terkenal dengan gelaran Serambi Mekah, di mana terdapatnya pusat perkembangan agama Islam menerusi institusi masjid yang dibina dengan keunikan serta keistimewaan tersendiri.

Masjid-masjid bersejarah yang terdapat di Melaka, rata-rata telah dibangunkan pada awal 1900 sehingga 1940-an.

Kebanyakan masjid yang bersejarah ini berbeza dari aspek seni binaanya dengan menampakkan campuran seni bina pelbagai bangsa termasuk Melayu, Cina dan India.

Berikut merupakan antara sejarah ringkas yang dikongsi Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM), cerita penduduk setempat berkaitan masjid terbabit.

## MASJID KAMPUNG HULU

Antara masjid yang dikatakan tertua di Melaka ini dipercayai telah dibina lebih 300 tahun lalu, ada juga yang mengatakan masjid itu dibina pada zaman pemerintahan Belanda di Melaka pada tahun 1728. Terdapat pengaruh seni bina Belanda, Jawa dan Cina yang menjadikan masjid ini unik.

## MASJID TENGKERA

Juga dikatakan antara yang tertua di Melaka, masjid itu dibina pada tahun 1728 dan masjid ini dipercayai hasil semangat ukhwah dalam kalangan peniaga asing yang beragama Islam pada kurun ke-16.

Turut difahamkan, masjid itu mem-



**MASJID KAMPUNG HULU** merupakan antara masjid tertua di Melaka. Gambar Fail

unyi tiga lapisan bumbung berbentuk pagoda bererti 'iman manusia kepada tuhan' pada lapisan pertama, manakala pada lapisan kedua dan ketiga membawa erti 'alam semula jadi yang menghubungkan manusia dengan pencipta'.

## MASJID KAMPUNG KLING

Dibina pada tahun 1748 dan didirikan tidak jauh dari Masjid Kampung Hulu. Pada tahun 1782, bangunan kayu masjid itu dig-

antikan dengan batu bata dan diubah suai sekali lagi pada tahun 1808. Keadaan masjid itu kini adalah hasil ubah suai yang berlaku antara tahun 1938 hingga 1940.

Keunikan seni bina masjid itu menerima pengaruh dari beberapa negara. Pada bahagian mimbar dan menara masjid itu mempunyai pengaruh Hindu, tiang lampu dan tempat wuduk dari pengaruh Arab manakala jubin lantai adalah buatan Portugis dan Inggeris.

## MASJID LAMA MACHAP

Masjid yang dibina semula sekitar tahun 1865 itu pada asalnya merupakan bangunan masjid dibina dari kayu dengan ciri-ciri dan reka bentuk unik dan tersendiri dan turut dikatakan tapak masjid itu telah dibina seawal tahun 1511.

Lebih menarik lagi, di masjid itu terdapat sebuah 'plak' tulisan cina di sebelah kiri masjid yang ditulis pada era Dinasti Ching dengan menyenaraikan nama dan jumlah sumbangan dari orang ramai bagi membantu baik pulih bangunan masjid itu.

## MASJID TANJUNG KLING

Merupakan masjid tertua di Tanjung Kling. Memiliki seni bina unik yang menyertai seni bina masjid lama seperti Masjid Tengkera dan Masjid Kampung Hulu, masjid Tanjung Kling itu dibina pada tahun 1921.

Menara masjid dibina daripada pasir dan campuran putih telur bagi menggantikan simen, manakala tiang seri masjid itu diperbuat dari kayu berlian dengan menggunakan gergaji dan ukiran tangan.

## MASJID DATUK ANDAK

Masjid yang terletak di Serkam Pantai itu dibina pada tahun 1853 bagi menggantikan masjid kayu di Serkam Darat.

Pembinaan masjid tersebut diperbuat daripada kayu-kayu yang diperoleh dari hutan berhampiran dan batu karang digunakan untuk membina dinding masjid itu dan sehingga kini masjid Datuk Andak itu dikenali sebagai Masjid Jamek Serkam.

**IKLANEKA**



PILIHAN RUANG  
**PENGIKLANAN**  
YANG BIJAK!

Hubungi :

06 251 9315 / 018 329 9936



**Serendah**  
**RM50**  
Sahaja!!



[www.melakahariini.my](http://www.melakahariini.my)



Melaka Hari Ini

## AUTOMOTIF

Kereta  
Motosikal  
Trak  
Bas  
Lori



## HARTANAH

Perumahan  
Rumah Kedai  
Lot Tanah



## KERJAYA

Sepenuh masa  
Separuh masa  
Latihan  
Skim Graduan



## KLASIFIKASI AM

Perkhidmatan  
Kecantikan  
Kesihatan  
Perabot



## NOTIS

Lelongan  
Guaman  
Kewangan  
Tender  
Notis Am



# Polis Melaka edar 900 bakul makanan

**Farah Suhaidah Othman**

**PULAU SEBANG** – Polis Melaka akan mengedarkan 900 bakul makanan secara berperingkat di tiga daerah menerusi Program Kembara Prihatin Op Bantu.

Program dilaksanakan Kementerian Dalam Negeri (KDN) menerusi Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Skuad Aman Wanita (AMANITA) serta dibantu Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) itu dilancarkan serentak di

seluruh negara pada 7 Julai lalu.

Ia adalah hasil kerjasama strategik antara Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta syarikat korporat.

Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) negeri, Asisten Komisioner Mohd Hedzir Hussin berkata, buat permulaan, 30 bakul makanan masing-



MOHD Hedzir

masing diedarkan di Melaka Tengah, Jasin dan Alor Gajah menerusi ketua polis daerah.

"Sebanyak 60 bakul makanan disampaikan kepada individu yang memerlukan di ketiga-tiga daerah dan selebihnya akan diserahkan oleh Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) masing-masing dalam masa yang akan diatur gerakan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyerahkan bantuan bakul makanan di Kam-

pung Kuala Ina, di sini baru-baru ini yang turut dihadiri Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Superintendant Arshad Abu.

Mengulas lanjut beliau berkata, program berkenaan adalah inisiatif kementerian dan agensi terlibat terhadap isu dan situasi dihadapi masyarakat supaya rakyat tidak terputus bekalan makanan serta keperluan asas akibat pandemik COVID-19.

"Bagi mendapatkan senarai penerima, kita berhu-

bung dengan JKM untuk mendapatkan senarai mereka yang terkesan supaya tidak berlaku pertindihan dengan bantuan lain sama ada dari mana-mana jabatan atau NGO lain.

"Selain bakul makanan yang disalurkan oleh KDN, kita turut menerima bantuan makanan daripada kerajaan negeri untuk diserahkan kepada IPD bagi menyalurkan bantuan ketika membuat rondaan atau pemeriksaan di sesuatu kawasan," katanya.

## Bersyukur bantuan makanan di kala ‘sempit’

**TERHARU** dan sebak apabila rombongan pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menghulurkan bakul makanan di saat keluarganya dihimpit pendapatan tidak menentu.

Itu disuarakan pekerja kilang, M Anjeli Dewi, 44, sebaik menerima bakul makanan di rumahnya di Kampung Kuala Ina, Pulau Sebang, Alor Gajah sempena Program Kembara Prihatin @ Op Bantu yang dilancarkan serentak di seluruh negara.

Anjale Devi antara 60 penerima bakul makanan di negeri ini yang memperoleh bantuan bakul makanan yang dilaksanakan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) menerusi Ibu Pejabat Polis Kontingen (IPK) Melaka serta dibantu Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) negeri baru-baru ini.

Ibu kepada tujuh cahaya mata berusia antara tiga hingga 20 tahun itu berkata,

sejak diberi cuti tanpa gaji serta pendapatan suami yang bekerja sebagai pembuat jalan tidak menentu, kehidupan keluarganya agak terjejas.

Kedua-dua itu katanya, mendorong dia dan keluarga berjimat-cermat dalam meneruskan kehidupan sembilan beranak.

"Saya bersyukur di saat tengah susah ini, pasukan polis dan agensi terlibat hulurkan bantuan dan bolehlah ia digunakan untuk mengisi perut anak-anak."

"Setakat ini kami sekeluarga sentiasa diberi bantuan dari segi makanan dan keperluan asas, jadi kami sekeluarga tidak terputus bekalan makanan," katanya.

Bakul makanan berkenaan diserahkan oleh Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) Melaka, Asisten Komisioner Mohd Hedzir Hussin bersama Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Superintendant Arshad Abu.



ANJELI (kanan) menerima bantuan bakul makanan daripada Mohd Hedzir (tengah) bersama Arshad (empat dari kiri) dalam Program Kembara Prihatin @ Op Bantu di Kampung Kuala Ina, di sini, baru-baru ini.

## Sisih ego, guna budi bicara sebelum kompaun



SHADAN (dua kiri) ketika membuat pemantauan peniaga di kawasan pentadbiran MPHTJ, baru-baru ini.

**Fiqah Jamal**

**AYER KEROH** - Anggota penguasa Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) disarankan menggunakan budi bicara sebelum mengeluarkan kompaun kepada peniaga.

Yang Dipertua MPHTJ, Datuk Shadan Othman berkata, malah mereka boleh memberi amaran terlebih dahulu, atau mencari jalan penyelesaian untuk membantu peniaga.

Menurutnya, tidak ada salahnya jika perkara itu dilakukan lebih-lebih lagi ketika negara berdepan pandemik COVID-19 ketika ini hingga menyebabkan masyarakat berdepan kesukaran.

"Saranan saya kepada penguasa MPHTJ yang membuat pemantauan, kenal pasti dahulu masalah peniaga selain mengingatkan mereka supaya patuh prosedur Operasi standard (SOP)."

"Sekiranya peniaga masih berdegil selepas diberi amaran berkali-kali dan jelas melanggar SOP barulah kompaun sewajarnya dikenakan."

"Peniaga juga apabila penguasa sudah beri budi bicara, berilah

kerjasama yang sewajarnya," katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI).

Menurut Shadan, pendekatan itu juga sejarar dengan saranan Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali yang mengumumkan Melaka bebas bermiaga menyebabkan rakyat berusaha bermiaga kecil-kecilan di tepi jalan.

Katanya, ramai peniaga kecil-kecilan itu terdiri daripada golongan terkesan dengan pandemik COVID-19 dan mencari pendapatan harian.

"Ketika pemantauan saya di Jalan Tun Hamzah pada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) lalu, 24 penjaja diberikan lesen. Bila pandemik reda dan beberapa sektor dapat dibuka, peniaga mula berkurnang di situ."

"Namun pada PKP 3.0 ini jumlah penjaja dan peniaga di situ seperti cendawan tumbuh selepas hujan menyebabkan pihak penguasa perlu kerap membuat pemantauan di situ."

"Jadi, saya ingatkan supaya redakan rasa benci kepada pihak berkuasa, penguasa perlu banyak berbincang dan buang sikap ego serta guna budi bicara," katanya.

Bantu komuniti terkesan COVID-19

# Peniaga infak 200 burger

Din Ahmad

**TANJUNG BIDARA** – Sifat mulia dan terpuji ditonjolkan seorang penjual burger di sini apabila menginfakkan 200 burger baru-baru ini.

Bagi Shahrul Anuar Md Sari, 35, kesukaran yang ditanggung anggota komuniti akibat pandemik COVID-19 wajar diringankan dengan kaedah bersedekah.

Bermula jam 6 petang hingga kira-kira jam 8 malam pada 8 Julai lepas, Shahrul Anuar dan tiga pembantunya menyiapkan burger itu untuk disedekahkan kepada orang ramai yang hadir di gerainya di Taman Bidara Jaya, di sini.

Daripada burger ayam hingga burger daging yang dilapiskan dengan telur, peniaga terbabit bertungkus-lumus menyiapkan bahan makanan itu bagi memastikan orang ramai tidak pulang hampa.

Shahrul Anuar berkata,

inisiatif itu diambil selepas menyaksikan anggota komuniti terkesan pandemik kehilangan sumber pendapatan, selain dipotong gaji kerana tidak bekerja penuh sebulan.

"Rezeki diberikan Allah harus dikongsikan bersama-sama anggota masyarakat supaya kita memahami erti kesusahan ditanggung rakan dan jiran berikutkan pandemik yang membimbangkan itu."

"Alhamdulillah, Allah berikan saya rezeki lebih dan saya kongsikan dengan penduduk taman dan masyarakat luar semata-mata kerana kita sayang akan sesama insan," katanya di gerai itu malam tadi.

Dia berkata, lokasi gerai-nya di hadapan deretan kedai di taman itu amat strategik untuk menarik kehadiran orang ramai yang ingin menikmati keenakan burger ayam dan daging.

Seorang penduduk, Arif Mohamad 16, berkata, dia hadir di gerai berkenaan sejak

jam 6 petang bagi mengelak terlepas peluang menikmati burger daging kegemarannya

"Alhamdulillah, saya doakan Allah memurahkan rezeki Abang Shahrul dan semoga dia bermurah hati bersedekah lagi pada masa akan datang," katanya.

Zulkifli Mohd Ali, 25, berkata dia teruja untuk mendapatkan burger itu bagi dinikmati bersama isteri dan tiga anaknya yang menggelembungnya.

"Sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dilaksanakan, kilang tempat saya bekerja terpaksa ditutup sementara dan saya kehilangan pendapatan tetapi syukurlah ada peniaga yang berhati mulia seperti Anuar yang bersedekah," katanya.

Dia berkata, untuk menampung ketiadaan pendapatan sepanjang PKP 3.0, dia terpaksa mengambil upah memotong rumput penduduk sekitar Tanjung Bidara.



SHAHRUL Anuar (kiri) menyediakan sebahagian 200 burger untuk disedekahkan kepada anggota komuniti di Taman Bidara Jaya, Tanjung Bidara, baru-baru ini.

## 150 petani ceria nasib dibela

**PANTAI KUNDOR** – Seramai 150 petani terjejas banjir dan pandemik COVID-19, di sini, ceria apabila nasib mereka mendapat perhatian kerajaan dan syarikat swasta.

Ia berikutkan syarikat pengurusan sis pepejal Greenviro Solution Sdn Bhd tampil menyalurkan barang makanan seperti beras, gula dan tepung kepada mereka.

Penyampaian bantuan disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor, Datuk Nor Azman Hassan dan Pengurus Projek syarikat itu, Nik Mustaffa Mohd Noor di Jawatankuasa Penyelaras dan Pembangunan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Pantai Kundor, baru-baru ini.

Menurut Nor Azman sumbangan itu bukan saja mencerminkan ketinggian budi pengurusan syarikat itu, malah meringankan beban petani akibat banjir dua bulan lalu.

"Petani juga terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), selain banjir yang merosakkan sawah dan menjelaskan jadual penanaman padi."

"Terima kasih kepada Greenviro Solution yang sebelum ini turut menyediakan sumbangan untuk anggota komuniti pada

bulan Ramadan dan Aidilfitri," katanya.

Beliau dan Nik Mustaffa sebelum itu meyerahkan barang makanan itu kepada petani diketuai Ketua Unit Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kampung Pengkalan Lanjut, Mustafa Ahmad.

Sementara itu, Mustafa, 61, berkata, petani terbabit dari beberapa kampung dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Pantai Kundor terhutang budi dengan syarikat itu atas bantuan diberikan.

"Kami seperti orang lain yang menerima kesan pandemik COVID-19 kerana tidak mampu menjual padi ke luar daerah akibat PKP."

"Selain itu, akibat banjir dua bulan lalu, sawah seluas kira-kira 60 hektar di kampung kami terjejas dan jadual penanaman kali ini terpaksa ditunda," katanya.

Bagi Rosli Drus, 50, sumbangan itu sedikit sebanyak mengurangkan bebaninya untuk membayai perbelanjaan keluarga.

Che Kah Montel, 76, pula berkata sebahagian kecil daripada keseluruhan sawahnya seluas 2.8 hektar mengalami serangan makhluk perosak yang menjelaskan kewarganegaraannya.



NIK MUSTAFFA (dua kanan) sambil disaksikan Azman (kanan) menyampaikan sumbangan makanan kepada petani di JAPERUN Pantai Kundor, baru-baru ini.

## 'Pomen' bantu orang susah

Liana Sahabudin

**AYER KEROH** – Prihatin nasib golongan terkesan pandemik COVID-19, Persatuan Usahawan Automotif Negeri Melaka tampil menyalurkan kit makanan menerusi program 'Kasih Pomen Melaka'.

Pengerusinya, Mohd Haizahry Nordin, 39 berkata, awalnya dia bersama rakan-rakan ingin menyalurkan sumbangan buat ahlinya yang

terkesan, namun setelah diteliti ramai rakyat juga memerlukan.

"Sebenarnya sumbangan kit makanan ini adalah dana yang terkumpul sejumlah RM3,000 dari ahli-ahli dan orang perseorangan."

"Kami nekad untuk memberi sumbangan barang keperluan bernilai RM100 yang mana terdapat beras, tepung, gula, bijun, sardin dan lain-lain."

"Agihan bermula Ahad ini (se-

malam) sebanyak 50 kit makanan, jika ada rezeki kami akan sumbangkan lagi 50 kit makanan pada masa akan datang," katanya ketika dihubungi MHI.

Haizahry berkata, bagi pemohon penerima sumbangan, ia bergantung kepada data diberikan ketua kampung serta rakan-rakannya.

"Setakat ini 10 ahli kami yang terkesan kerana tidak meneruskan operasi bengkel akan terima bantuan

dan 40 lagi penerima dipilih ketua kampung dan rakan di setiap lokasi berdekatan.

"Kami tidak membuat hebatan di media sosial kerana khawatir jika ada orang yang cuba mengambil kesempatan atas sumbangan ini," katanya.

Katanya fokus utama persatuan itu adalah untuk mencari sendiri golongan memerlukan atau orang yang benar-benar susah.

"Jika ikutkan kerja memang tak dapat nak fokus 100 peratus beri bantuan, tapi bila betul-betul nak buat, kita usahakan juga dan cari sendiri mereka yang memerlukan."

"Kit makanan ini akan diberikan di kesemua daerah di negeri ini, Insya-Allah jika ada peruntukan kita akan buat lagi," katanya sambil menambah setakat ini terdapat 80 ahli di bawah persatuan itu.



# Selamat Menyambut Hari Ulang Tahun ke-13 Pengisytiharan Melaka Bandaraya Warisan Dunia (UNESCO) 2021

*13th Anniversary of  
Melaka World  
Heritage City  
Day (UNESCO)  
2021*



7 Julai 2021  
*Warisan Sepanjang Zaman*  
*Everlasting Heritage*

Setiausaha kepada:

Datuk Bandar,  
Ahli-Ahli Majlis,  
Setiausaha Bandaraya,  
Ketua-Ketua Jabatan  
dan seluruh warga kerja  
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah





**Bersyukur bantuan makanan di kala 'sempit'** ■ 21

# Sukan MELAKA HARIINI

LIGA SUPER MALAYSIA 2021  
Jadual perlawanan Melaka United FC

PERLAWANAN ke - 14

MELAKA UNITED FC SRI PAHANG FC

STADIUM DARUL MAKMUR, KUANTAN

AHAD, 25 JULAI 2021 9.00 Malam

www.melakahariini.my f Melaka Hari InI @ Melaka Hari InI Melaka TV

## Demi emas pertama Olimpik

**MEMBAWA** harapan lebih 32 juta rakyat Malaysia untuk merealisasikan impian meraih pingat emas pertama di Sukan Olimpik, sudah pasti memberi cabaran dan tekanan buat pelumba berbasikal trek negara, Mohd Azizulhasni Awang.

Namun, sebagai seorang atlet profesional dan demi melaksanakan tanggungjawab buat negara, Mohd Azizulhasni bersedia mengatasi segala cabaran di laluannya dengan sasaran membawa pulang pingat emas yang dinanti-nantikan itu.

Pelumba berusia 33 tahun kelahiran Dungun, Terengganu itu, turut mengakui selepas persaraan jaguh badminton negara Datuk Lee Chong Wei, beliau kini menjadi harapan negara di temasya terbesar dunia itu yang bakal membuka tirai pada 23 Julai ini.

"Kalaupun diletakkan sebagai prospek emas, beraksi di pentas Olimpik pun sudah menjadi tekanan besar, tetapi sebagai prospek emas, ia adalah peringkat berlainan bagi diri saya. Saya mengambilnya secara positif, tanggungjawab saya kepada negara."

"Daripada bersembunyi di sebalik tirai, sebagai atlet profesional, saya melangkah untuk menggalas tanggungjawab dan sudah pasti berusaha keras di belakang tabir. Sejak ini, persediaan dan latihan kami adalah terbaik dalam sepanjang kerjaya kami."

"Saya gembira dengan segala yang telah kami lakukan dan ingin memastikan semuanya berjalan mengikut perancangan kami di Jepun."

"Apa pun keputusannya, saya tidak akan kecewa atau kesal kerana dari segi persiapan, kami telah memberikan lebih 100 peratus usaha dalam persediaan," katanya ketika sidang media secara maya baru-baru ini.

Mohd Azizulhasni, juara dunia acara keirin 2017, berkata setelah mewakili negara lebih 15 tahun, beliau telah menjadi lebih matang untuk mengawal emosi dan mentalnya di temasya berprestij itu.

Mengulas mengenai persediaan dari segi fizikal, pe-

lumba dengan jolokan 'The Pocket Rocketman' menjelaskan bahawa beliau menambah berat badannya sekitar 10 kilogram (kg), terutamanya jisim otot di bahagian bawah selepas Olimpik Rio 2016 untuk meningkatkan kekuataninya.

"Bila dah tambah jisim otot, ia akan membantu meningkatkan kuasa output, sekali gus meningkatkan pecutan. Ia dapat dilihat apabila catatan masa saya bagi pecutan 200 meter (m) meningkat dari semasa ke semasa, kemuncaknya saya memecahkan rekod Asia, kebangsaan dan peribadi dengan catatan 9.548 saat (s) di Kejohanan Dunia Berlin, pada Mac 2020."

"Jadi kami terus bekerja keras dalam tempoh sekatan pergerakan penuh (lockdown) dan terus bekerja keras sampai sekarang sebab bukan misi kecil, misi yang besar untuk negara saya," katanya pada penampilan Olimpik kali keempat berturut-turut sejak Beijing 2008.

Berbekalkan basikal model WX-R Vorteq, yang dibangunkan menerusi projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) berjumlah RM13 juta di antara Institut Sukan Negara (ISN) dengan syarikat dari United Kingdom, TOTALSIM Ltd, beliau yakin untuk menyaingi pelumba-pelumba terbaik dunia selepas terlepas peluang meraih pingat gangsa acara keirin di Rio 2016.

Sementara itu, Muhammad Shah Firdaus Sahrom yang bakal membuat penampilan pertama di Olimpik, mengakui tidak meletakkan sasaran yang terlalu tinggi kerana kurang pengalaman beraksi di temasya besar seperti Olimpik.

"Secara peribadi (saya) tak letak sasaran yang terlalu tinggi, ia agaknya sukar berdasarkan suasana dan pertandingan. Tetapi, yang paling utama, saya pergi sana, buat yang terbaik dan menerima apa sahaja keputusan," katanya.

Mohd Azizulhasni dan Shah Firdaus akan beraksi dalam acara pecut bermula 4-7 Ogos dan acara keirin bermula 7 hingga 8 Ogos di Izu Velodrome, Shizuoka.

- BERNAMA



MOHD Azizulhasni

## Liga Premier kembali bersambung 24 Julai

**SAINGAN** Liga Premier yang sepatutnya berlangsung pada 3 Julai akan kembali diadakan pada 24 Julai ini.

Liga Bola Sepak Malaysia (MFL) turut mengumumkan pindaan terhadap jadual Liga Malaysia (Liga-M) melibatkan perlawanan tertunda antara Perak FC II dengan Kelantan FC di Stadium Perak, Ipoh dan Selangor FC 2 dengan Sarawak United FC, di venue yang akan ditetapkan kemudian, pada 17 Julai, yang tarikh asal adalah pada 29 dan 30 Jun.

Ketua Pegawai Eksekutif MFL Datuk Ab Ghani Hassan berkata pindaan jadual Liga-M turut melibatkan perlawanan ke-14 sehingga 22 Liga Super dan perlawanan ke-13 sehingga 22 Liga Premier bagi memastikan jarak setiap perlawanan tidak terlalu padat.

"Meskipun kawalan pergerakan masih dilaksanakan, MFL mendapat pertimbangan baik daripada pihak Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan (KKM) untuk meneruskan baki saingan Liga-M 2021 dengan SOP (prosedur operasi standard) yang ketat."

"Bagaimanapun pindaan jadual tidak dapat dielakkan bagi meminimumkan pertembungan venue dan bagi mengelak dari pada pasukan-pasukan mengharungi jadual agak padat," katanya dalam kenyataan baru-baru ini.

Ab Ghani berkata sekiranya terdapat perubahan lagi pada jadual perlawanan Liga-M, ia adalah tertakluk kepada keputusan Ahli Lembaga Pengarah MFL serta arahan daripada kerajaan dan penguatkuasaan kawalan pergerakan.

Sebelum ini, MFL pada 24 Jun lalu memaklumkan bahawa Liga Premier yang sepatutnya berlangsung pada 3 Julai lepas ditangguhkan susulan saranan KBS berikutnya semasa

COVID-19 yang masih berada pada tahap membangkitkan makala Liga Super pula bersambung pada 24 Julai.

Sementara itu, Ab Ghani turut memaklumkan bahawa pasukan-pasukan yang berada di negeri yang terlibat dengan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) perlu mencari venue baharu perlawanan bagi saingan Liga Super dan Liga Premier.

Menurutnya, ini kerana perlawanan Liga-M termasuk perlawanan latihan tidak dibenarkan di kawasan PKPD.

Buat masa ini, pasukan Liga-M yang terlibat dengan PKPD adalah Kuala Lumpur City FC dan PDRM FC yang sepatutnya beraksi di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, Cheras, Selangor FC 2 (Stadium Majlis Perbandaran Selayang), Selangor FC dan PJ City FC (Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya), UiTM FC dan Skuad Projek FAM-MSN (Stadium UiTM, Shah Alam) serta Negeri Sembilan FC (Stadium Tuanku Abdul Rahman, Paroi).

"Pihak MFL telah meminta agar pasukan terbabit bersedia dengan perancangan awal mencari stadium baharu bukan di kawasan PKPD yang mereka boleh memohon untuk menggunakan stadium yang tidak digunakan oleh mana-mana pasukan seperti Stadium Manjung dan Stadium Batu Kawan," katanya.

Menurut beliau, kesemua lapan pasukan tersebut boleh memohon untuk menggunakan stadium yang hanya digunakan oleh satu pasukan sahaja dan MFL akan mengenal pasti stadium tersebut bagi membantu pasukan tersebut mendapatkan venue baharu.

Beliau turut berharap supaya semua pasukan terus bersatu dan bekerjasama antara satu sama lain dalam memastikan kelauncaran Liga Malaysia 2021. - BERNAMA

LIGA SUPER MALAYSIA 2021			
	KEDUDUKAN LIGA	P	PG
		MATA	
1	JOHOR DARUL TA'ZIM	13	22
2	TERENGGANU FC	13	8
3	KEDAH DARUL AMAN FC	13	8
4	PENANG FC	13	4
5	SELANGOR FC	13	2
6	KUALA LUMPUR CITY FC	13	3
7	SABAH FC	13	0
8	PJ CITY FC	13	-4
9	SRI PAHANG FC	13	-6
10	PERAK FC	13	-7
11	MELAKA UNITED FC	13	-4
12	UITM FC	13	-26

\*MELAKA UNITED FC DIPOTONG 3 MATA MENERUSI KEPUTUSAN FIB

www.melakahariini.my f Melaka Hari InI @ Melaka Hari InI Melaka Tv